

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III Bil. 21 Hari Selasa 12 Ogos 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 (Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat
(Ruangan)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Industri Perikanan Terjejas
- Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Ding Seling (Dilantik)

“ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M., A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 12 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**LEMBAGA KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN -
PEMBUBARAN**

1. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:
 - (a) adakah kerajaan bercadang membubarkan Lembaga Tabung Buruh India Selatan (South Indian Labour Fund). Jika ya, apakah rasionalnya dan sama ada tanah-tanah kepunyaan Lembaga tersebut yang disumbangkan oleh tokoh-tokoh perniagaan daripada masyarakat India akan diserahkan balik kepada masyarakat India; dan
 - (b) berapakah jumlah wang yang sedia ada dalam tabung tersebut dan untuk tujuan apa wang tersebut akan dibelanjakan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sudah membuat keputusan untuk membubarkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan. Keputusan itu dibuat setelah satu kajian menyeluruh terhadap Lembaga itu mendapati fungsinya tidak lagi relevan pada ketika ini

terutamanya mengenai menjaga kebajikan buruh-buruh India Selatan yang sudah tua dan uzur dan yang masih berada di negara ini. Kerajaan berpendapat fungsi tersebut boleh dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Selepas selesai urusan pembubaran itu, semua aset yang alih atau tidak alih kepunyaan Lembaga termasuklah tanah akan diserahkan kepada kerajaan.

- (b) Pada masa ini Kumpulan Wang tersebut mempunyai wang berjumlah RM2.3 juta. Wang tersebut adalah digunakan untuk kebajikan buruh-buruh India Selatan iaitu yang masih tinggal lagi dan mendapat bantuan adalah lebih kurang 80 orang sahaja tidak termasuk 37 orang lagi yang duduk di Rumah Orang-orang Tua India Selatan di Nibong Tebal.

PENYAKIT DEMAM DENGGI - KEDUDUKAN TERKINI

2. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah laporan terkini mengenai kedudukan penyakit demam denggi di seluruh negara dan apakah tindakan yang telah diambil oleh semua negeri-negeri dalam menangani pembiakan nyamuk Aedes.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 2 Ogos 1997, sebanyak 11,814 kes demam denggi dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 6,628 kes

pada tempoh yang sama tahun 1996. Ini menunjukkan peningkatan kes pada tahun 1997 sebanyak 78.2%.

Trend kejadian demam denggi menunjukkan kes mula meningkat pada bulan Mei dan mencapai kemuncak pada bulan Julai dan mula turun pada bulan September. Keadaan ini ada kaitan dengan musim hujan yang menyebabkan banyak tempat menakung air yang menjadi punca pembiakan nyamuk Aedes. Pada keseluruhannya semua negeri menunjukkan peningkatan kejadian kes. Negeri-negeri yang banyak melaporkan kes adalah:

<u>Negeri</u>	<u>Jumlah Kes</u>	<u>%</u>
Wilayah Persekutuan	4,209	35.6
Selangor	3,206	27.1
Johor	1,026	87

Manakala negeri-negeri yang menunjukkan peningkatan yang tinggi pada tahun ini adalah:

<u>Negeri</u>	<u>%</u>
Kelantan	781
Pulau Pinang	618
Melaka	360
Negeri Sembilan	265
Terengganu	151

Semua negeri telah mengambil tindakan menjalankan gerakan kempen besar-besaran untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti:

- (i) menubuhkan jawatankuasa wabak denggi di peringkat negeri bagi mengatur, menggalak dan menyelaraskan kempen Anti-Denggi;
- (ii) menubuhkan bilik-bilik gerakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah bagi menyelaras dan mengawasi kempen;
- (iii) aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak berkanun tempatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengikut penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, di antara negeri-negeri yang paling banyak berlaku pembiakan nyamuk Aedes ialah Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor. Negeri-negeri ini adalah negeri yang banyak berlaku pembangunan. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak peka dan tidak konsisten dalam mengingatkan rakyat untuk menjaga supaya penyakit-penyakit yang berjangkit seperti demam denggi ini boleh membiak dan menjadi suatu trend sekarang ini, timbul sahaja keadaan seperti itu, semua orang sibuk fasal nyamuk Aedes dan akhir-akhir ini kita baca dalam surat khabar semalam, sekolah pula menjadi tempat pembiakan nyamuk, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan supaya kawalan ini konsisten - berterusan?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada masalah, bukan kita tidak ada tetapi rakyat decorporate dengan kita walaupun kita ada buat risalah, macam-macam kempen kita ambil tetapi orang tidak dengar, macam nyamuk Aedes - ini dapat dilihat daripada 2,126,000.967 buah rumah yang diperiksa didapati 19,830 kes rumah mempunyai pembiakan nyamuk Aedes. Begitu juga dengan tapak pembinaan sekolah, kilang dan sebagainya. Sebab itu kementerian bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih serius terhadap orang ramai yang membenarkan kawasan milik mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk 'AIDS'.

Seorang Ahli: Aedes.

Dato' M. Mahalingam: Aedes, minta maaf. *[Ketawa]* AIDS dan Aedes pun berbeza sedikit sahaja. Dua-dua pun tidak ada ubat. Kementerian sedang mengkaji untuk memperkemaskan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1995 dengan memberi penekanan kepada meningkatkan denda sedia ada. Sebagai contoh, kadar maksimum kompaun sekarang sebanyak RM100 dinaikkan kepada RM1000, denda mahkamah bagi kesalahan pertama dari RM1000 atau tiga bulan penjara kepada denda RM10,000 atau penjara tiga tahun. Denda maksimum mahkamah bagi kesalahan kedua bagi RM2,000 atau penjara satu tahun kepada RM50,000 atau penjara lima tahun. Untuk denda RM50 bagi setiap hari kesalahan dinaikkan kepada RM250. Di samping itu, peruntukan arahan berhenti kerja atau tutup premis yang terdapat

dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 akan diserapkan ke dalam Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Itulah cadangan kementerian.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, apakah kementerian ada cukup mekanisme untuk menentukan bahawa tindakan pencegahan dapat dijalankan secara konsisten kerana nampak gayanya kemunculan penyakit ini adalah macam “kejap-kejap ada, kejap-kejap tidak ada”. Terima kasih.

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitan dengan musim hujan sahaja, bukan lain-lain hari, sebab itu kita ambil tindakan semasa itu.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ada dua. Yang pertama, adakah Kementerian Kesihatan pastikan nyamuk yang terdapat dalam septic tank itu nyamuk Aedes sebab yang saya tahu ini nyamuk Aedes tidak boleh membiak dalam air yang tercemar. Dalam septic tank ini airnya sudah tercemar, tentulah itu bukan nyamuk Aedes.

Soalan yang kedua, nampaknya sekarang kerajaan sangat pentingkan ke atas nyamuk Aedes walau pun ada banyak nyamuk misalnya nyamuk Tiruk, nyamuk Culex, nyamuk Mansonia yang membawa lebih banyak penyakit yang juga penting. Adakah Kementerian Kesihatan mengambil tindakan untuk menghapuskan nyamuk keseluruhannya? Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya akui yang nyamuk Aedes yang ada membiak dalam air yang 'clear water' sahaja bukan lain tempat. Saya belum pasti yang larva-larva yang dikeluarkan daripada septic tank itu - saya tidak boleh pastikan, saya akan jawab secara bertulis.

Mengenai nyamuk-nyamuk yang lain, memang kementerian ini - problem vector - memang Pejabat Vector dari Kementerian Kesihatan memang ambil tindakan menghapuskan semua nyamuk di negara kita.

INDUSTRI INSURANS -PERANAN DAN TUGAS

3. Puan Kamalia binti Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar dan peraturan kementerian mengenai peranan dan tugas industri insurans dalam pembangunan negara dan sejauh manakah penglibatan industri insurans dalam modal (venture capital), pelaburan ekuiti dan penabungan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan beriltizam untuk bekerjasama dengan industri insurans dengan mewujudkan suasana yang sesuai untuk perkembangan lanjut industri insurans menjadi penyumbang utama dalam sektor perkhidmatan kewangan termasuk memperkukuhkan kedudukan kewangan syarikat insurans dengan penguatkuasaan Akta Insurans 1996. Kerajaan sedang mempertimbangkan kemungkinan mewujudkan sistem pengawalan dua peringkat di mana syarikat insurans yang lebih besar dan diuruskan dengan lebih baik yang berada di peringkat utama dibenar mengendalikan operasinya di dalam persekitaran yang lebih fleksibel bertujuan membolehkan syarikat insurans yang lebih kukuh itu menerajui pasaran tanpa dikongkong oleh

peraturan yang hanya sesuai dikenakan kepada syarikat insurans yang lemah.

Dari segi penabungan melalui pembelian insurans, tahap penembusan pasaran berdasarkan bilangan polisi yang berkuatkuasa sebagai nisbah kepada jumlah penduduk telah meningkat daripada 2.2% dalam tahun 1970 kepada 25% dalam tahun 1996.

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan untuk mengawal pelaburan syarikat-syarikat insurans yang di antaranya mengehadkan jumlah agregat pelaburan ekuiti yang diizinkan bagi menyokong liabiliti kumpulan wang insurans seseorang penanggung insurans.

Pelaburan dalam venture capital tidak diizinkan pada masa ini. Jumlah aset kumpulan wang industri insurans adalah sebanyak RM30,051.5 juta dan ini merupakan 3.3% daripada jumlah aset sistem kewangan keseluruhannya. Kebanyakan daripada aset tersebut adalah dilabur dalam sekuriti kerajaan iaitu 25.9%, ekuiti syarikat 24.4% dan wang tunai dalam simpanan 23.2%.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, Timbalan Menteri telah menjelaskan berkenaan dengan pentingnya tabungan melalui syarikat-syarikat insurans ini. Saya ingin tahu berapakah jumlah syarikat-syarikat yang dikuasai oleh pihak-pihak luar dan berapakah syarikat yang dimodali oleh syarikat-syarikat tempatan. Bagaimanakah mekanisme kerajaan mengawasi supaya syarikat-syarikat yang berlaku penyelewengan ini tidak menjadikan pemegang-pemegang polisi luar

bandar menjadi mangsa akibat penyelewengan yang berlaku di dalam syarikat-syarikat insurans ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pada masa ini ada sejumlah 65 syarikat insurans yang mana 52 adalah ditubuhkan di dalam negara dan 13 ditubuhkan di luar negara, iaitu yang dipunyai oleh orang-orang asing.

Mengenai mekanisme mengawal dan mengawasi syarikat insurans, baru-baru ini kita telah wujudkan satu Akta Insurans 1996 yang saya sebut tadi dan satu daripada mekanismenya apa yang dipanggil 'minimum solvency requirement', iaitu kehendak solvensi yang minimum untuk tiap-tiap 15 juta penanggung insurans itu yang mana penanggung insurans wajib memastikan bahawa sekurang-kurangnya 20% mesti dilaburkan di dalam ekuiti kerajaan, ekuiti 30% di dalam pasaran modal, saham amanah 10% dan juga aset tetap hanya 20%. Jadi, dengan adanya garis panduan ini, satu spread diwujudkan dan ianya akan meminimumkan risiko-risiko terhadap pelaburan ataupun penabungan penanggung-penanggung insurans.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, berapa banyakkah premium yang kita bayar kepada syarikat-syarikat insurans asing terutama sekali dari segi insurans yang bersangkutan-paut dengan kapal terbang, kapal-kapal dan adakah ini berkurangan setakat ini ataupun meningkat kerana

banyaknya pembelian kapal terbang dan juga kapal-kapal daripada luar negara dan premium yang kita terpaksa letakkan kepada syarikat-syarikat asing ini mungkin memudaratkan lagi imbalan bayaran ataupun mungkin menjuruskan kepada defisit dari segi balance of payment, dengan izin.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum sebagai seorang ahli korporat, ada dua peringkat (stage) untuk kita meminimumkan pengaliran keluar wang melalui insurans. Yang pertama, kita mestilah menggunakan syarikat-syarikat tempatan. Yang kedua, ianya mesti direinsuranskan di dalam negara kita. Setakat ini kebanyakan industri atau enterprise yang dipunyai oleh anak-anak tempatan, kebanyakannya menggunakan syarikat-syarikat tempatan yang mana premiumnya itu digunakan untuk reinsurekan kepada dua syarikat, satu ialah di Labuan yang baru kita tubuhkan yang dimiliki oleh PETRONAS, TNB dan lain-lain lagi. Satu lagi, di mana kita ada MNI-Takaful Reinsurans untuk membuat reinsurans kepada pelaburan-pelaburan ataupun pelaburan insurans di dalam takaful yang mana Takaful Malaysia menjadi satu produk yang digunakan di seluruh nusantara, di Filipina, di Indonesia dan di Thailand yang mana kita ada lagi satu.

Jadi satu daripada sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan pengaliran luar yang banyak dahulu adalah kebanyakan syarikat insurans di dalam negara mereinsure di Singapura syarikat-syarikat luar. Misalnya tidak

berapa lama dahulu pengaliran keluar ke Singapura sahaja RM900 juta setahun tetapi dengan adanya syarikat kita sendiri, kita boleh membendungkan pengeluaran itu.

Mengenai dengan berapa banyak premium insurans yang mengalir keluar, itu saya tidak ada angka di sini. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun sudah, misalnya tahun 1996, premium di dalam insurans am sahaja kita telah mengutip sebanyak RM5.4 bilion. Kalau Yang Berhormat hendak tahu juga secara kasar, kalilah dengan 15%, lebih kurang 15% yang keluar, dapatlah, saya tidak sempat hendak kali di sini, RM5.4 bilion kali 15%. Sekian.

KES PENDERAAN - PERANGKAAN MENGIKUT TAHUN/KAUM

4. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan jumlah kes yang dilaporkan kepada kementeriannya semenjak 1990 mengenai:

- (i) penderaan kanak-kanak;
- (ii) penderaan isteri/suami;
- (iii) kehilangan gadis di bawah 16 tahun;
- (iv) keganasan rumah tangga;

apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementeriannya untuk mengatasi masalah ini. (Nyatakan perangkaan ini mengikut tahun dan kaum).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, jumlah kes penderaan

kanak-kanak yang dilaporkan kepada kementerian mengikut kaum dari tahun 1990 hingga 1996 adalah seperti berikut:

Tahun	Melayu	Cina	India	Jumlah
1990	246	92	172	511
1991	442	189	324	970
1992	351	172	252	820
1993	504	227	312	1,048
1994	441	154	215	836
1995	558	239	288	1,117
1996	546	188	258	1,009

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terus mengambil langkah-langkah yang bersifat pencegahan bagi menangani masalah penderaan kanak-kanak seperti berikut:

- (i) mewujudkan serta meningkatkan keberkesanan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak yang telah ditubuhkan di peringkat negeri, daerah dan kawasan melalui pelbagai aktiviti yang bersifat pencegahan dan pembangunan serta advokasi;
- (ii) penubuhan pusat aktiviti kanak-kanak supaya masyarakat tempatan memberi perkhidmatan sokongan dan menyertai program-program untuk kanak-kanak dan keluarga yang berisiko tinggi. Terdapat 43 buah pusat aktiviti kanak-

kanak. 30 buah pusat aktiviti kanak-kanak telah diluluskan bagi tahun 1997 untuk program memantapkan keluarga;

- (iii) Perkhidmatan Teledera 24 Jam Talian Bebas Tol No. 8003040 semenjak tahun 1993 akan terus dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan orang ramai menyampaikan maklumat tentang penderaan kanak-kanak;
- (iv) Gerakan Keluarga Bahagia; dan
- (v) Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan yang dianjurkan pada 15 Mei tiap-tiap tahun dan Hari Warga Tua Kebangsaan 1 Oktober setiap tahun dengan tujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan sebagai usaha memupuk dan menentukan kesejahteraan hidup berkeluarga dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dalam menentukan kesejahteraan kanak-kanak dalam sesuatu keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan kehilangan gadis mengikut kaum dan tahun pula adalah seperti berikut:

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
-------	--------	------	-------	-----------	--------

1990	528	187	195	-	910
1991	612	283	251	-	1,146
1992	837	243	273	103	1,456
1993	860	290	270	79	1,499
1994	798	215	240	65	1,322
1995	812	199	190	52	1,253

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil langkah yang bersifat pencegahan dan pertolongan untuk membanteras gejala lari dari rumah oleh golongan remaja terutamanya gadis-gadis. Pendidikan sosial melalui media massa dan NGO seperti berikut:

- (i) kempen kanak-kanak hilang yang diusahakan bersama Syarikat Malaysian Assurance Company Ltd., The Star, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia;
- (ii) menyertai 'talk show' yang dianjurkan oleh RTM mengenai isu-isu sosial; dan
- (iii) dialog, seminar, ceramah yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Juvana di peringkat daerah, kampung dan kawasan perumahan yang berisiko tinggi khusus untuk membincangkan masalah sosial remaja masa kini dan parenting skill.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keganasan rumah tangga, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini seramai 374 mangsa di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah membuat laporan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk mengatasi dan membendung masalah ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk

dan Pembangunan Keluarga Negara telah merangka dan melaksanakan Program Pembangunan Keluarga dan Keibubapaan yang mengandungi enam modul, iaitu:

- perkahwinan dan kekeluargaan;
- keibubapaan anak kecil;
- keibubapaan anak remaja;
- kebapaan;
- pembangunan remaja; dan
- kesihatan reproduktif.

Pelaksanaan dan kejayaan kepada.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, laluan saya ialah nampaknya jawapan yang diberi boleh lima kajang kertas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah soalan dan jawapan yang semacam ini dijawab secara bertulis. Jadi, banyak sangat masa habis untuk kami mendengar perangkaan kaum-kaum sahaja. Jadi, kalau boleh, dijawab secara bertulis lebih baik. Itu cadangan sahaja.

Tuan G. Palanivel: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini terpulang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Mereka minta soalan-soalan yang panjang dan saya mesti beri jawapan yang panjang. *[Ketawa]* Kaji soalan, tengok, bukan salah saya. *[Tepuk]* Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya boleh habiskan menjawab soalan ini. Kalau tidak, saya boleh beri secara bertulis, tidak ada masalah, saya pun letih juga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi boleh habiskan.

Tuan G. Palanivel: Okay. Pelaksanaan dan kejayaan kepada program ini adalah bermatlamat akan wujud keluarga penyayang dan seterusnya dapat

menghindar dari berlakunya perpecahan di dalam institusi keluarga. Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pihak polis dan juga NGO-NGO wanita telah mengadakan beberapa siri penerangan mengenai akta ini di seluruh negara. Di antara penjelasan yang diberi ialah mengenai hak-hak mangsa dan perlindungan yang ada diperuntukkan dalam akta tersebut. Terima kasih.

Tuan Jiuin bin Jimin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama mendengar jawapan itu tadi, selalu saya dengar Cina, Melayu dan India, tiada bangsa lain. Adakah bangsa-bangsa lain itu tidak ada kes sedemikian ataupun adakah mereka ini dimaksud dengan lain-lain dan kenapa dikategorikan dengan lain-lain, tidak dengan bangsanya?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, lain-lain itu sedikit juga. Sebab itu kita tidak kategorikan bangsa. Kalau kita kategorikan bangsa, lagi panjang jawapan. *[Ketawa]* Tidak boleh habis 1 jam pun. *[Ketawa]*

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya mendengar Yang Berhormat kata gadis yang kehilangan dan keluar dari rumah 1,000 lebih. Adakah gadis-gadis ini tidak balik ke rumah masing-masing ataupun tidak dapat dikesan ke mana dia pergi? Itu yang saya hendak tahu.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, ada yang balik dan ada yang tidak balik. *[Ketawa]* Ada yang boleh dikesan dan ada yang tidak dapat dikesan. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut angka yang diberi tadi kita lihat bahawa gejala-gejala yang melanda masyarakat makin bertambah dari setahun ke setahun. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian yakin dengan keadaan kemampuan kementerian yang sedia ada dapat membendung gejala-gejala yang sedang berlaku di negara kita. Kerana saya dapati apa Yang Berhormat sebutkan tadi sebahagiannya kita dengar di Parlimen. Tetapi pelaksanaannya di peringkat negeri kita rasa tidaklah sebagaimana disebut di sini.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan dan angka-angka meningkat tahun demi tahun, bukan hanya sebab gejala-gejala ini meningkat, tetapi sebab kesedaran meningkat. Sebab kesedaran meningkat, angka-angka pun meningkat. Dan kemampuan kementerian bukanlah cukup, sebab itulah kita cari pertolongan masyarakat am dan NGO-NGO untuk memberi sokongan. Terima kasih.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita biasa mendengar mengenai penderaan kanak-kanak, penderaan isteri dan sebagainya. Tetapi ada juga penderaan suami. Bolehkah pihak

kementerian berikan bagaimanakah bentuk yang dikatakan penderaan suami?

[Ketawa]

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini kita tidak terima laporan rasmi mengenai penderaan suami, tetapi adalah dengar sana-sini sedikit ada, tetapi bukan begitu serius untuk kita mewujudkan satu bahagian atau satu pegawai untuk mengawasi masalah ini. Yang menjadi masalah ialah penderaan gadis-gadis, isteri oleh suami.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan tadi kita mendengar bahawa penderaan kepada kanak-kanak meningkat begitu mencemaskan. Soalan tambahan saya, apakah pihak kementerian merancang untuk membuat kajian yang menyeluruh apakah punca penderaan kanak-kanak begitu meningkat kalau hendak dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain, apakah disebabkan ekonomi?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, bila kita kaji angka-angka yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh daerah Malaysia, angka-angka yang kita terima jumlahnya bukan begitu besar kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain. Tetapi apa yang penting ialah kita tidak melihat perkara ini dari segi angka-angka. Kalau satu anak didera, itu pun penting juga. Sebab anak mesti diberi perlindungan dan sebab itu apa yang penting di sini bukanlah angka-angka, tetapi penderaan itu. Satu, dua, tiga, empat tidak kira angka-angka, tetapi yang penting ialah kalau seorang anak

didera itu pun penting juga. Kita langsung tidak mahu melihat gejala ini. Yang penting ialah kita mahu hapuskan gejala ini, kita memberi pencegahan dan pembangunan dan advokasi untuk menghapuskan gejala ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut fahaman saya, soalan tadi kenapa satu kaum itu nampak tinggi sangat. Adakah dengan sebab ekonomi, begitukah?

Tuan G. Palanivel: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jumlah kaum penduduk itu, mengikut ratio. Tetapi ada kaum-kaum yang menghadapi risiko tinggi sebab dia tinggal di kawasan risiko tinggi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok angka-angka yang diberi tadi memberikan satu gambaran yang tidak begitu jelas. Ini hendak tahu apa sebab penderaan kanak-kanak seperti yang pernah ditanyakan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah tadi. Sebab saya tengok tahun 1990 - ada angkanya. Kemudian tahun 1991 ia meningkat, semua kaum meningkat. Kemudian tahun 1992, menurun, semua kaum menurun angka penderaannya. Tahun 1994 semua kaum meningkat. Tahun 1995 meningkat balik, semua kaum meningkat. Jadi, adakah ini disebabkan desakan ekonomi dan sebagainya. Ini satu persoalan yang perlu dijawab kenapa sekejap naik, sekejap turun bagi semua kaum?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah sosial susah kita mahu beri jawapan yang terus, masalah penderaan ini berkait dengan ekonomi, penderaan ini berkait dengan masalah suami-isteri, susah mahu beri satu

jawapan yang terus-terang. Tetapi apa yang penting ialah kita kawal masalah ini, kita mengambil tindakan-tindakan untuk mencegah masalah ini.

KUASA POLIS UNTUK GURU BESAR DAN PENOLONG KANAN - USAHA MEMBENDUNG MASALAH DISIPLIN

5. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Pendidikan menyatakan pengetua/guru besar dan penolong kanan akan diberi kuasa polis di sekolah demi membendung masalah disiplin. Sudahkan kerajaan membuat satu kajian secara terperinci tentang praktikalitinya kerana banyak masalah disiplin sekarang berbentuk ganas dan selalunya melibatkan ibu bapa dan orang luar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah pun mendapatkan pandangan daripada pihak ibu bapa dan orang ramai mengenai cadangan memberi kuasa polis kepada pengetua, guru besar dan penolong kanan dalam usaha mengatasi masalah disiplin di sekolah. Berdasarkan pandangan-pandangan yang telah diterima, kementerian sedang membuat kajian lanjutan sebelum memutuskan sama ada cadangan tersebut dapat dijalankan .

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dapati pergaduhan berlaku kepada murid-murid sekolah di Sarawak. Saya ingin tahu adakah pergaduhan ini ada kaitan dengan kongsi-kongsi gelap di sekolah-sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya soalan itu adalah berkenaan dengan kejadian yang telah berlaku di salah sebuah

sekolah menengah di Sabah itu, jawapannya ialah selepas kajian, pergaduhan itu tidak berkaitan dengan kongsi gelap.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga disiplin di sekolah, kuasa diberi kepada guru besar, pengetua dan mungkin penolong kanan. Soalan saya ialah bagaimanakah kementerian dapat memastikan kuasa yang diberi tersebut sebenarnya dapat dipastikan tidak menjadi penganiayaan kepada penuntut-penuntut, kerana kuasa perlu diawasi?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah antara alasan-alasan atau feedback yang kita dapati daripada pihak awam dan pihak ibu bapa yang menyebabkan Kementerian Pendidikan belum membuat keputusan terakhir berkaitan dengan sama ada kita akan mengikuti cadangan itu, iaitu membenarkan pengetua dan penolong kanan melaksanakan tugas yang dicadangkan oleh pihak tertentu.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah antara sebab masalah disiplin ini disebabkan oleh kekurangan guru kaunseling, di mana saya difahamkan setiap 700 murid hanya seorang guru kaunseling yang diperuntukkan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah dapat kelulusan dari pihak-pihak berkenaan untuk mengadakan guru-guru kaunseling di setiap sekolah menengah di seluruh negara sama ada satu atau dua mengikut enrolment pelajar itu. Memang

andaian Kementerian Pendidikan ialah dengan adanya guru-guru kaunseling di sekolah-sekolah, kita boleh dengan lebih berkesan mengawasi keadaan disiplin di sekolah-sekolah. Namun demikian, fungsi guru kaunseling itu bukan sahaja untuk menentukan keadaan disiplin, tetapi juga fungsi guru kaunseling itu juga untuk memperluaskan pengalaman pelajar-pelajar tentang kerjaya mereka dan juga untuk menentukan bahawa setiap pelajar bolehlah memenuhi potensi mereka.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dalam konteks kuasa polis kepada pihak sekolah, pengetua dan sebagainya. Saya ingat pada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan satu ketika dahulu, untuk memperbesarkan pasukan beruniform di sekolah-sekolah, macam kadet polis ataupun sebagainya. Apakah langkah itu telah diambil oleh pihak kementerian dan apakah kementerian tidak boleh bercadang kuasa polis itu diberi kepada pasukan yang beruniform di sekolah itu sendiri untuk membuat pemeriksaan, penangkapan dan sebagainya kepada pelanggar-pelanggar disiplin di sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan suruh buat cadangan bahawa setiap pelajar di sekolah menengah haruslah melibatkan diri mereka dalam salah satu pasukan uniform, sama ada kadet, sama ada boy scout, sama ada St. John dan sebagainya. Kita rasa dengan adanya aktiviti tersebut kita boleh mempertingkatkan self esteem,

dengan izin, pelajar tersebut dan mereka bolehlah menjauhkan diri daripada dipengaruhi oleh pihak-pihak yang kita tidak ingini. Namun demikian, cadangan itu memerlukan peruntukan yang besar dan Kementerian Pendidikan hanya boleh melaksanakan cadangan itu secara berperingkat-peringkat.

Sama ada kita boleh memberi kuasa polis kepada pasukan ini, cadangan kementerian-kementerian yang berkenaan ialah untuk memberi kuasa kepada seorang guru dan pengetua sahaja kerana merupakan staff atau kakitangan kementerian, dan kementerian mempunyai kuasa dari segi memberi arahan dan sebagainya. Sama ada ianya boleh diserahkan kepada satu pasukan yang merupai pelajar-pelajar, kita perlulah kaji selanjutnya.

KLIA - KHIDMAT SELEPAS JUALAN BAGI KELENGKAPAN

6. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan memastikan bahawa kesemua kelengkapan di KLIA mempunyai khidmat selepas jualan yang berterusan kerana salah satu sebab kebakaran alat hawa dingin di Airport Subang disebabkan beberapa alat ganti telah tidak ditukar sekian lama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kesemua kelengkapan di KLIA khasnya alat-alat yang penting serta canggih mempunyai tempoh warranty, dengan izin, pembekal-pembekal juga perlu memberi khidmat penyelenggaraan bagi tempoh di antara dua hingga tiga tahun setelah kelengkapan berkenaan dipasang di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pegawai teknikal Malaysia Airport Berhad (MAB) juga diberi latihan-latihan yang mencukupi dari segi operasi serta penyelenggaraan kelengkapan berkenaan.

Bagi alat-alat yang sophisticated, dengan izin, seperti sistem radar, pihak pembekal atau syarikat yang bertauliah akan dilantik untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Langkah-langkah sedemikian adalah bagi menentukan kelengkapan berfungsi dengan sempurna demi kepentingan operasi. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa KLIA di Sepang ini akan mempunyai satu sistem bagasi yang amat sofistikated di mana kita letak sahaja beg, ianya akan terus masuk ke dalam kapal terbang yang dituju menerusi komputer.

Jadi, saya hendak tahu adakah ini merupakan satu sistem yang fail save ataupun mempunyai fall back position, dengan izin, di mana kalau sekiranya komputer ini tidak berjalan pada hari itu, beg ini tidak hilang atau ada cara yang dibuatkan, saya rasa cara manual mungkin tidak boleh dibuat kerana sistem itu dibuat begitu rupa.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua maklum, lapangan terbang KLIA adalah di antara salah sebuah lapangan terbang yang paling canggih di rantau ini dan sistem yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan luggage bagging, dengan izin, di mana

semuanya akan disempurnakan melalui komputer dan melalui sistem ini bukan sahaja luggage ataupun beg-beg bagasi, sebenarnya kita dapat cam melalui bagasi sahaja, siapa tuan punya bagasi dan jika terdapat apa yang tidak dapat ataupun tidak dibenarkan untuk masuk ke pesawat pun melalui sistem ini kita pun boleh cam, kita boleh tahu apa benda yang berada dalam luggage ini.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, memang sistem ini mempunyai satu sistem yang back-up di mana jika komputer tidak berfungsi, maka kita dapat menjalankan menyempurnakan bagasi melalui cara manual dan jika perlu kita mempunyai satu back-up komputer juga, jika komputer pertama tidak berfungsi maka kita ada back-up sistem untuk komputer yang kedua, itu memang canggih punya, janganlah bimbang. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu perkara yang beberapa kali berlaku di Subang Airport dahulu, ada yang mengatakan itu adalah dilakukan secara sabotaj, kalau benar bagaimana besok untuk mengelakkan daripada sabotaj yang akan berlaku di lapangan terbang yang baru.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah beroperasi, hanya tiga kali kebakaran berlaku yang dianggap serius, di antara tiga kali ini hanya satu kali yang mana mengikut siasatan adalah berpunca dari akibat pengkhianat dan bagi memastikan ini tidak berlaku memang dalam KLIA semua pasukan security

telah pun diberi latihan yang secukup-cukupnya dan selain daripada itu pihak beruniform polis airport juga ada di situ dengan pegawai-pegawai yang mencukupi supaya semua aspek security akan dipertingkatkan lagi mengikut sistem yang paling canggih.

PENDIDIKAN VOKASIONAL DAN TEKNIK - PENSTRUKTURAN

7. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kerajaan hari ini bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian:

- (a) sejauh manakah kementerian beliau memberi tumpuan terhadap pendidikan vokasional; dan
- (b) kerajaan mengakui kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah teknik, tetapi mengapakah terdapat ada guru-guru yang mempunyai kelulusan teknik ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah biasa untuk mengajar bahasa Inggeris.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini Kementerian Pendidikan masih lagi memberikan tumpuan terhadap pendidikan vokasional dengan pengambilan pelajarinya yang semakin bertambah pada setiap tahun. Walaupun program perstrukturkan sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik telah dimulakan semenjak awal tahun 1956, pengambilan pelajar untuk aliran vokasional masih lagi diteruskan selari dengan pengambilan pelajar untuk aliran teknik. Kementerian berpendapat keadaan ini berlaku

kerana masih terdapat minat dan kecenderungan pelajar lepasan PMR untuk mengikuti pengajian dalam bidang vokasional di sekolah menengah vokasional sedia ada;

- (b) Pada dasarnya tugas mengajar mata pelajaran yang diberikan kepada seseorang guru adalah bergantung kepada kesesuaian pengkhususannya, latar belakang latihan dan ilmu yang diberikan kepadanya semasa mengikuti latihan di institusi latihan perguruan. Ini adalah perlu bagi menjamin keberkesanan pendidikan di sekolah dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Antara sebab-sebab wujudnya keadaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat ialah:-

- (i) permintaan pihak sekolah untuk mengajar bahasa Inggeris di samping mata pelajaran teknikal bagi mencukupkan bilangan waktu mengajar guru tersebut dalam seminggu atau kerana kekurangan guru bahasa yang diperlukan;
- (ii) permohonan pelepasan guru teknikal sendiri dari pihak jabatan untuk mengajar di sekolah menengah biasa atas sebab-sebab tertentu; dan

- (iii) guru-guru teknikal yang mengikuti latihan perguruan di bawah program KBLI dengan pengkhususan bahasa Inggeris diarah mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah menengah biasa oleh pihak sekolah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat jelaskan sama ada sekolah-sekolah vokasional akan ditukar beransur-ansur menjadi sekolah teknik tetapi Yang Berhormat ada menyebutkan tadi, masih ada lagi pelajar-pelajar yang berminat untuk meneruskan dalam pendidikan vokasional. Jadi, apakah sekolah vokasional ini akan diteruskan ataupun pada satu masa nanti semuanya menjadi sekolah teknik.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, daripada 69 buah sekolah menengah vokasional yang sedia ada, sebanyak 51 buah daripadanya telah pun dinaikkan untuk menjadi sekolah menengah teknik dalam dua fasa iaitu fasa pertama tahun 1996, fasa kedua tahun 1997 dan kita akan terus mengikut blueprint Kementerian Pendidikan yang telah ditentukan supaya semua sekolah vokasional yang tidak ada itu boleh dinaikkan taraf.

Namun demikian, aliran pendidikan vokasional masih lagi diteruskan kesemua sekolah menengah teknik dan vokasional termasuklah yang telah distrukturkan kerana memang tidak boleh dinafikan bahawa ada pelajar-pelajar

yang terus mempunyai minat untuk mengambil aliran tersebut dan di sekolah-sekolah menengah teknik juga kita akan izinkan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak Kementerian Pendidikan mempunyai unjuran keperluan tenaga manusia yang diperlukan di negara ini dan jika ada hingga ke tahun berapakah unjuran-unjuran ini ada di dalam pengetahuan pihak kementerian dan adakah kemasukan dan juga pengambilan pelajar-pelajar sama ada dalam negeri dan luar negeri memenuhi unjuran yang ada kepada kementerian.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan membuat kajian dan mengikut kajian memang kita akan mengalami kekurangan pekerja-pekerja pakar khususnya di bidang-bidang teknikal dan dengan adanya cadangan yang akan menaikkan taraf semua sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik, jumlah pelajar-pelajar yang akan dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah tersebut akan dinaikkan daripada 6,000 sahaja dahulu kepada 75,000 menjelang tahun 2000.

Namun demikian, kita rasa itupun tidak mencukupi dan kita akan terus mengadakan cadangan-cadangan yang lain untuk menentukan bahawa kita tidak akan mengalami kekurangan pekerja-pekerja pakar dalam bidang-bidang teknikal.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah yang pertama, jikalau ditingkatkan sekolah vokasional kepada sekolah teknik, ini bermakna bahawa peluang bagi murid-murid atau penuntut-penuntut yang berkelayakan untuk masuk sekolah vokasional akan dinafikan. Dan ini juga bermakna bahawa mereka yang tidak mampu dalam bidang akademik akan tidak ada tempat untuk melanjutkan pelajaran.

Jadi, apakah kementerian bercadang untuk memberi alternatif kepada sekolah vokasional kerana kita dapati banyak penuntut-penuntut yang pergi sekolah, yang perlu menghabiskan masa sekolah tetapi sebenarnya tidak berkemampuan dalam bidang akademik.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, falsafah dan andaian Kementerian Pendidikan ialah semua pelajar kita mempunyai kemampuan untuk meneruskan pendidikan mereka sekurang-kurangnya sehingga Tingkatan Lima (Form Five) dan itulah pandangan Kementerian Pendidikan dan untuk mencapai matlamat tersebut, kita akan teruskan memperbesar peluang pelajaran di sekolah-sekolah menengah termasuklah sekolah-sekolah menengah teknik yang membolehkan semua pelajar melanjutkan pembelajaran pendidikan mereka sehingga Form Five.

Namun demikian, sungguhpun sekolah-sekolah menengah vokasional itu telah dinaikkan taraf ke sekolah menengah teknik tetapi kita masih kekalkan aliran pendidikan vokasional dalam sekolah menengah teknik itu. Tujuan

untuk menaikkan taraf sekolah menengah vokasional ke sekolah menengah teknik ialah untuk menyempurnakan kemudahan yang ada dalam sekolah tersebut supaya pelajar-pelajar itu tidak sahaja menerima hands-on experience, dengan izin, tetapi juga melengkapi hands-on experience itu dengan latar belakang teori, selepas itu mereka mempunyai kebolehan yang lebih tinggi. Itulah tujuannya.

INDUSTRI PELANCONGAN - PENDAPATAN NEGARA

8. **Tuan Jinuin bin Jimin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapakah pendapatan negara hasil daripada pelancongan bagi tempoh 1994 hingga sekarang. Bagaimanakah pula masyarakat kampung di luar-luar bandar dapat menikmati hasil daripada industri pelancongan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, pendapatan negara hasil daripada pelancongan bagi tempoh 1994 hingga 1996 adalah berjumlah RM30.1 bilion. Perolehan pada tahun 1994 adalah sebanyak RM9 bilion, tahun 1995 sebanyak RM9.9 bilion dan untuk tahun 1996 sebanyak RM11.2 bilion.

Banyak peluang ekonomi yang diperolehi secara langsung oleh masyarakat luar bandar dari hasil pembangunan industri pelancongan negara. Di antaranya melalui kegiatan agrotourism, program homestay, pembekal makanan dan minuman serta pembekal kraftangan, kegiatan pengangkutan

seperti pengendalian bot pelancongan, aktiviti penginapan seperti chalet dan tapak perkhemahan serta lain-lain kegiatan perkhidmatan seperti membekal dan menyewa peralatan pelancongan dan memandu pelancong-pelancong.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat macam mana kementerian kira hasil pelancongan ini sebanyak RM30 bilion, macam mana kementerian mengira sampai angka seumpama yang disebutkan tadi.

Yang kedua, saya hendak tahu dari segi pendapatan secara langsung kepada penduduk-penduduk sekitar, betul pemaju-pemaju hotel, pemaju pihak operator kenderaan, orang yang menjual kraftangan dapat hasil, tetapi ada juga penduduk-penduduk sekitar di kawasan di sebelah mana tempat dimajukan pusat pelancongan tidak mendapat apa-apa manfaat. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana caranya kita mendapat angka-angka pendapatan negara ini ialah daripada survey yang dilaksanakan dari masa ke semasa yang dijalankan sepanjang tahun dan daripada survey ini, jawapan-jawapan itu disemak semula dan kita dapat perangkaan hitung panjang dan daripada jumlah hitung panjang ini, barulah kita dapat pendapatan untuk keseluruhannya. Angka yang kementerian perolehi, kita bandingkan dengan angka yang diperolehi oleh pihak Bank Negara, jadi mungkin pada tiap-tiap tahun ada terdapat perselisihan tetapi tidak banyak dan yang mana yang lebih realistik, maka perangkaan itulah yang kita terima pada akhirnya.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang kedua tadi, pendapatan ataupun peluang ekonomi secara langsung yang boleh diperolehi oleh penduduk-penduduk yang berhampiran dengan pembangunan ekonomi ataupun pembangunan pelancongan. Kita menggalakkan pihak tempatan untuk mengambil peranan secara langsung, namun kalau mereka tidak berkeupayaan, tidak berkemampuan ada keuntungan ataupun diperolehi secara tidak langsung pula daripada pendapatan negara sebanyak RM11 bilion ini, ini adalah gross national product, jadi bukan semuanya itu dimasukkan ke dalam pendapatan ataupun ke akaun kerajaan. Sejumlahan daripada RM19 bilion ini adalah akan nanti dibayar secara cukai ataupun cukai pendapatan, cukai untung, cukai indirect dan sebagainya. Jadi, daripada perolehan inilah maka semua rakyat mendapat keuntungan. Oleh yang demikian, kegiatan pelancongan yang baik, yang membawa pulangan yang banyak kepada negara bukan sahaja memberi keuntungan secara direct kepada penduduk tetapi secara indirectnya.

Tiap-tiap perbelanjaan pelancong itu ada dikenakan cukainya, jadi ramai rakyat termiskin menerima bantuan daripada kerajaan dan dengan secara tidak langsung dengan tidak dapat kita tunjuk secara spesifik, wang kerajaan yang diberi kepada orang-orang miskin itu datangnya daripada kutipan cukai daripada perbelanjaan pelancong-pelancong yang datang. Itu keuntungan secara tidak langsungnya. Jadi, kalaulah misalannya terdapat individu yang tidak dapat mengambil bahagian dalam projek-projek pelancongan di satu-satu

tempat, mungkin mereka menikmati hasil pelancongan secara yang tidak tepat, tetapi saya boleh mengatakan secara rata semua rakyat Malaysia dapat keuntungan daripada hasil pelancongan yang bertambah. Sekian.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan, ingin belajar dan menuntut faham daripada kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu bahawa peningkatan hasil industri pelancongan ini banyak bergantung kepada keupayaan kita memasarkan produk pelancongan. Oleh kerana di sana sini kita bercakap masalah destinasi pelancongan ini dibuat agaknya secara *ad-hoc* di peringkat negeri-negeri, apakah kementerian mempunyai satu pelan induk bagi menentukan lokasi-lokasi destinasi pelancongan ini dapat diselaraskan di seluruh negara? Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian, kita menekankan beberapa tempat menarik di negara kita untuk dilawati oleh pelancong kerana pelancong-pelancong hari ini tidak berminat untuk datang ke Malaysia - tengok Malaysia. Mereka lebih spesifik, malah kalau kita pun pergi melawat ke negara-negara asing, kita pergi ke England, kita tidak kata kita hendak pergi England, kita pergi London - spesifik. Kalau London pun orang bukan pergi semua London. Yang separuh suka pergi ke Oxford Street, misalannya saya difahamkan atau ada di antaranya yang pergi ke

tempat-tempat tertentu sahaja. Jadi, mereka lebih berminat apa yang mereka dapat dengan pergi ke satu-satu tempat tertentu itu.

Jadi, kita ada tekankan beberapa tempat yang kita buat promosi di luar negara dan untuk tahun ini kita tambah lagi empat destinasi yang baru termasuk juga Tasik Kenyir di Terengganu, termasuklah berada dalam penekanan kita apabila kita membuat promosi di luar negeri. Kita mempromosikan satu-satu tempat itu dari segi keistimewaannya, bukan semua tempat kita promosikan ini dapat menarik semua orang ataupun seluruh dunia ini. Ada pelancong-pelancong dari negara-negara tertentu berminat dalam satu aspek pelancongan sahaja, manakala pelancong-pelancong dari negeri-negeri lain berminat beberapa aspek yang lain pula.

Sebagai contoh saya boleh sebutkan bahawa kalau kita membuat promosi di negeri China ataupun di Taiwan, di Hong Kong, mereka suka kepada keseronokan dalam bandar, membeli-belah, makanan dan sebagainya - berehat di dalam bandar. Jarang di antara mereka ini suka pergi ke Gua Mulu, misalannya ataupun tengok keindahan Taman Negara dan banyak lain lagi.

LADANG KELAPA SAWIT - JUMLAH BAHAN-BAHAN TUMBUHAN DAN KAYU-KAYAN YANG DIBAKAR

9. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa tan metrikkah bahan-bahan tumbuhan dan kayu-kayan yang dibakar dalam setiap hektar tanah hutan yang dibangun untuk ladang kelapa sawit, dan kenapakah bahan-bahan itu tidak dijadikan 'compost'.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan tumbuhan dan kayu-kayan yang dibakar bagi setiap hektar tanah hutan yang dibangunkan untuk ladang kelapa sawit adalah sekitar 640 tan sehektar bagi hutan dara dan 200 tan sehektar bagi hutan selepas pembalakan iaitu 'logged-over area'. Bahan-bahan ini tidak dijadikan compost kerana didapati tidak sesuai sebaliknya elok ditinggalkan di ladang dan dibakar supaya kesuburan tanah dapat dikekalkan.

Tuan Rosli bin Mat Hasan : Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak dapat jawab pun tidak apalah sebab bukan kementerian Y.B.- jawab kemudian pun tidak apa. Kita bercakap masalah Dasar Perhutanan Negara yang mana salah satu daripada falsafah Dasar Perhutanan Negara ialah 'full utilisation of forest'- 'penggunaan secara maksimum'. Jadi, apakah strategi sepatutnya supaya economic of scale, dengan izin, dalam penggunaan bahan-bahan perhutanan ini dapat dimaksimumkan dan kerana ianya bertujuan sebagaimana dalam falsafah Dasar Perhutanan Negara? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memang kita memaksimumkan apa yang tumbuh di dalam hutan ini dan sepertimana yang telah saya sebut sebentar tadi, dalam soal bahan-bahan ini, ianya dibakar kerana ianya dapat menyuburkan tanah. Jadi, bermakna iaitu

bahawa walaupun ia tidak dijadikan sebagai barang-barang lain tetapi ianya dijadikan sebagai 'fertiliser' dan ia memperkayakan tanah tersebut dengan bahan-bahan organik dan nutrien dengan hasil datang daripada kebakaran barang-barang ini.

RUMAH KOS RENDAH - PEMILIKAN

10. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bolehkah kementerian menimbangankan untuk memperkenalkan undang-undang untuk memastikan bahawa hanya mereka yang berpendapatan rendah sahaja dibenarkan untuk memiliki rumah kos rendah; dan
- (b) bolehkah kementerian menimbangankan mengadakan undang-undang untuk pihak berkuasa merampas rumah kos rendah yang telah diperuntukkan kepada orang yang tidak layak tetapi telah memperolehinya melalui cara yang tidak adil.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter

Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peraturan yang terdapat adalah mencukupi untuk memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dengan menggunakan sistem pendaftaran terbuka yang baru diperkenalkan, pemilihan pembeli atau penyewa akan dibuat lebih teratur bagi memastikan kumpulan sasar yang layak sahaja berpeluang membeli atau menyewa rumah kos rendah.
- (b) Kuasa untuk merampas milik rumah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Terpulanglah kepada kerajaan negeri

untuk mengambil tindakan jika berlaku penyelewengan ke atas pembeli atau penyewaan rumah kos rendah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan bagi soalan mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 50 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[11. Ogos, 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Sambung semula perbahasan.

3.42 ptg.

Tuan Jiuin bin Jimin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.....

Tuan Yang di-Pertua: Masih lagi, apa itu. Sudah habiskah semalam?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis ya. Sila teruskan.

Tuan Jiuin bin Jimin: Perang ke atas rasuah yang dilancarkan oleh Barisan Nasional adalah satu tindakan berani yang belum pernah dibuat oleh mana-mana kerajaan sebelum ini. Sebab itu rakyat di semua lapisan pasti menerima dan menyokong rang undang-undang ini dengan baik. Malangnya pihak pembangkang pula yang cuba memutarbelitkan niat baik rang undang-undang ini dan mengatakan kononnya Kerajaan Barisan Nasional cuba menggunakan akta ini untuk menakut-nakutkan musuh politik.

Sebenarnya niat rang undang-undang ini adalah sebaliknya. Namun demikian, kalau ada yang takut mesti ada sesuatu, orang bilang “siapa yang maka lada, dia yang merasa pedas”. Saya harap rakyat tidak akan terpesong dengan dakwah pembangkang yang tidak kenal penat lelah masuk keluar kampung memburuk-burukkan kerajaan termasuklah menyebarkan risalah yang berbentuk fitnah. Yang anehnya pihak pembangkang ini terutama sekali pembangkang di Sabah, adalah sebuah kumpulan yang dipimpin oleh pemimpin yang telah disabit oleh kesalahan rasuah. Sebab itu rakyat harus berwaspada dengan dakwah pembangkang yang hanya berminat memburuk-burukkan kerajaan. Sesungguhnya tindakan kerajaan memerangi rasuah secara habis-habisan bertepatan dan bersesuaian sebelum gejala ini menjadi sebatian dengan budaya sehari-hari rakyat negara ini.

Saya yakin kejayaan kerajaan untuk menghapuskan rasuah akan meningkatkan lagi imej dan martabat negara khususnya di peringkat

antarabangsa. Rakyat juga akan lebih mementingkan kebenaran, ketelusan, keikhlasan dan kejujuran dalam kegiatan seharian. Sebab itu rakyat yang benar-benar jujur untuk memerangi rasuah akan dilindungi dan tidak lagi boleh diputarbelit. Saya benar-benar kawatir kemungkinan rasuah ini boleh menjadi budaya masyarakat kita, kalau itu sudah berlaku apalah akan jadi dengan nilai-nilai murni seperti kejujuran, kesetiaan, kerja keras dan keikhlasan. Apakah nanti semua ini akan hanya tinggal bahan gurauan?

Bayangkanlah apabila rakyat tidak lagi perlu bekerja keras kerana hanya mengharapkan habuan rasuah, tentu sekali pembangunan negara akan terancam. Kadang-kadang ada juga yang ingin benar mendapatkan projek, bukan kerana projek itu dapat menyelesaikan sesuatu masalah tetapi hanya semata-mata kerana mencari keuntungan yang berlebihan dalam apa jua bentuk daripada projek tersebut. Maka jadilah jalan raya yang baru dibina lima bulan sudah, berlubang. Apabila diperiksa, jalan raya yang sepatutnya diturap setebal 4 inci batu granit, hanya diturap 2 inci. Dan lebih teruk lagi ialah batu yang digunakan tidak menepati spesifikasi yang telah ditentukan. Inilah dia kesan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang telah dibentangkan saya yakin akan dapat sedikit sebanyak boleh mengurangkan gejala rasuah di negara ini. Namun demikian, kita tidak seharusnya diabui dengan kekebalan undang-undang, malah kadang-kadang undang-undang dan peraturan baru itu sendiri

boleh menjadi sumber gejala rasuah. Misalnya beberapa tahun yang lalu kita pernah membaca di media massa tentang adanya beberapa pemimpin politik yang didakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah. Kemudian, tiba-tiba tuduhan-tuduhan tersebut ditarik balik dan ada juga yang langsung tidak dengar khabar berita sama ada pihak berkuasa masih meneruskan dakwaan atau tidak. Apa sudah jadi dalam hal-hal seperti ini? Apakah rasuah di atas rasuah telah berlaku, kita tidak tahu. Yang pasti, keadilan telah diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya semua yang telah disabitkan kesalahan rasuah tidak dibolehkan bertanding dalam mana-mana pilihan raya, tidak kira berapa besar penalti kesalahannya. Orang-orang seperti ini dan lebih-lebih lagi orang yang bergelar pemimpin, seharusnya tidak lagi dibenarkan menjadi wakil rakyat sebab orang yang tidak boleh dipercayai dengan perkara kecil tentu sekali tidak boleh dipercayai dengan perkara besar.

Baru-baru ini ada penyokong pembangkang yang mengatakan, siapa yang tidak rasuah di Malaysia? Bagi saya, kenyataan ini adalah satu kenyataan yang sangat merbahaya. Sekiranya rakyat Malaysia pada umumnya berfikiran seperti ini, tentu sekali apa juga undang-undang yang kita gubal tidak akan membawa apa-apa kesan, sebaliknya kita harus berfikiran 'no two wrongs make one right', dengan izin. Janganlah pula rakyat Malaysia berfikiran kalau orang lain makan najis, dia pun turut makan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping perundangan, kerajaan juga mengambil langkah-langkah berterusan untuk membina masyarakat yang benci kepada kemungkar dan segala bentuk penyelewengan dan rasuah. Saya berpendapat rakyat seperti ini hanya akan terbina apabila rakyat kita dibimbing dengan nilai-nilai kerohanian yang murni. Saya berpendapat demikian sebab rakyat kita hendaklah mempunyai konsep dan kepercayaan adanya salah dan adanya betul. Our people must have the basic concept of the conscience of right and wrong, dengan izin. Kita mesti boleh berkata rasuah itu salah, rasuah itu dosa besar.

Untuk ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan mata pelajaran nilai-nilai kerohanian untuk semua agama terbesar dalam sistem persekolahan di negara ini. Perang terhadap rasuah hendaklah bermula daripada bangku sekolah, sebab jika sekiranya para pelajar kita dinafikan pendidikan nilai-nilai kerohanian agama masing-masing, tentu sekali apabila mereka membesar, konsep salah dan betul akan tidak ada, lantaran mereka akan kehilangan etika dan moral kerohanian yang sepatutnya menjadi suluh hidup.

Selain daripada membendung gejala rasuah, nilai-nilai kerohanian ini juga boleh menjadi benteng yang penting untuk membendung gejala sosial terutama sekali di kalangan remaja. Misalnya baru-baru ini, satu kejadian di Sekolah Menengah All Saints, Kota Kinabalu yang dahulunya terkenal dengan

didikan kerohaniannya, telah menjadi medan pertempuran pelajar liar dan nakal. Kejadian di Sekolah Menengah All Saints itu sungguh memalukan, apatah lagi dengan latar belakang sekolah yang dahulunya dikenali dengan penghayatan nilai-nilai kerohanian.

Sebab itu, saya ingin mengulangi cadangan saya supaya kerajaan memperkenalkan mata pelajaran nilai-nilai kerohanian untuk semua agama terbesar yang dianuti oleh rakyat Malaysia dalam sistem pendidikan negara. Cadangan ini juga dibuat memandangkan akibat ledakan globalisasi teknologi maklumat. Rakyat Malaysia perlu diberi kekuatan, benteng penghalang penyerapan pengaruh budaya negatif daripada luar, apatah lagi dengan pembangunan ekonomi kita yang begitu pesat sehingga cabaran kesan pembangunan dalam aspek-aspek sosial begitu merunsingkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memerangi gejala rasuah ini juga saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji sedalam-dalamnya kenapa gejala rasuah ini berlaku sehingga ke akar umbi. Apakah rasuah ini salah satu daripada akal budi dan budaya masyarakat kita atau apakah rasuah ini merupakan budaya baru yang telah menular dan meresap dalam budaya kita daripada luar tanpa disedari atau apakah rasuah ini sememangnya wujud dalam sistem-sistem nilai kemanusiaan kita dan apakah kita sebenarnya menggalakkan rasuah ini secara tidak sedar? Misalnya ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Bahasa Kebangsaan seperti “jawatankuasa” untuk merujuk kepada

“executive committee” dalam bahasa Inggeris. “Committee” dalam bahasa Inggeris berasal daripada akar kata “commit” atau “commitment” yang membawa erti kita “committed” untuk membawa sesuatu. Manakala “jawatankuasa” pula berasal daripada dua akar kata iaitu “jawatan” dan “kuasa”. Sebab itu semua orang mahu atau gila jawatan dan gila kuasa bukan sebab dia boleh buat kerja tetapi dengan adanya jawatan dan dia ada kuasa untuk menggalakkan rasuah.

Barangkali pihak Dewan Bahasa dan Pustaka perlu mengkaji sedalam-dalamnya kesan nama “jawatankuasa” tersebut, khususnya implikasi nama tersebut dalam hal penyalahgunaan jawatan dan kuasa. Barangkali itulah sebabnya Kelab Senator tidak dipanggil Jawatankuasa Kelab Senator tetapi Majlis Kelab Senator. Mungkin ini adalah satu teladan yang baik. Barangkali rangkai kata untuk mengganti perkataan “jawatankuasa” itu seperti “petugas khidmat bakti” boleh dikaji kesesuaiannya untuk mengambil rangkai kata “jawatankuasa”.

Tuan Yang di-Pertua, agar undang-undang ini lebih berkesan, saya juga cadangkan kepada pihak kementerian yang berkenaan untuk mengambil langkah-langkah bagi menjelaskan tujuan sebenarnya rang undang-undang ini kepada semua lapisan masyarakat. Ini penting kerana mutu tindak balas atau feedback, dengan izin, dari orang ramai adalah bergantung kepada kefahaman mereka tentang perkara ini. Dengan feedback yang betul dan tindakan pihak

berkuasa yang tepat, maka adalah diharap agar matlamat rang undang-undang ini tercapai.

Selain dari itu, saya juga ingin mengingatkan agar sistem pentadbiran kerajaan haruslah sentiasa diperbaiki, terutama sekali jabatan-jabatan yang secara langsung bertanggungjawab dengan memberi kelulusan seperti pengeluaran lesen dan sebagainya. Kerana sikap luck of urgency, dengan izin, di kalangan pegawai-pegawai memaksa pengusaha-pengusaha untuk memberi sesuatu kepada pihak-pihak tertentu agar apa yang mereka mahu itu dapat dengan cepat dan seterusnya mengelak daripada rugi kerana projek terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, maka saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali.

3.54 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh gembira apabila kerajaan membawa Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini kerana semasa saya menjadi ahli Dewan Rakyat sejak tahun 1986 sehinggalah tahun 1990 dan kemudian kembali ke Dewan Negara, setiap perbahasan saya di waktu Belanjawan ataupun Titah DiRaja tidak pernah saya tidak menyebut soal memerangi rasuah. Oleh itu, saya gembira kerana kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin

Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku timbalannya, hari ini telah memperkotakan dengan begitu serius untuk memerangi rasuah. Ianya bukan lagi gimik sebagaimana dianggap oleh mana-mana pihak.

Kalaulah ada mana-mana pihak membuat andaian ataupun anggapan bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan ini dan peperangan membasmi rasuah sebagai satu gimik politik, saya percaya orang yang membuat andaian tersebut ataupun mana-mana pihak yang membuat andaian tersebut sebenarnya dalam keadaan igauan. Sebab saya percaya sebelum rang undang-undang ini dibentangkan, parti tulang belakang Barisan Nasional yang memerintah negara ini ialah UMNO telah membuat keputusan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi. Manakala pada minggu lalu, Majlis Barisan Nasional, parti pemerintah negara kita telah juga membuat keputusan bahawa kerajaan akan memerangi rasuah dan akan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak tanpa mengira kedudukan, latar belakang, pangkat, daripada mana-mana parti sekalipun.

Saya sungguh bangga dengan pendirian tegas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memerangi rasuah ini dan terbukti seseorang pemimpin yang mengendalikan dan memimpin sesebuah negara, tentu berada dalam keadaan inferior complex. Kalaulah seseorang pemimpin itu untuk memerangi rasuah, tetapi kalau merasakan dirinya sendiri tidak bersih tetapi terbukti nyata

pucuk pimpinan negara kita, Perdana Menteri dengan cara begitu terbuka, berani, yang juga sekali gus bermakna beliau adalah seorang pemimpin yang bersih, yang tulus, yang telah membuktikan bahawa dalam konteks pembangunan negara dan dalam konteks untuk memajukan sesuatu bangsa dan sesebuah negara, ianya tidak akan bermakna kalau masyarakat itu tidak bermoral ataupun lebih-lebih lagi bila berlakunya rasuah.

Kita lihat banyak negara yang maju sebelum ini tumbang ataupun jatuh kerana rasuah. Perebutan kuasa dalam parti-parti politik ataupun perebutan kuasa dalam sesebuah negara, ianya banyak berhubung kait dengan soal rasuah yang akhirnya merugikan rakyat. Dan apa yang telah dibina selama ini dalam sesebuah negara, bila berlaku masalah seperti yang disebutkan tadi, ianya tidak bermakna dan tidak mempunyai apa-apa erti lagi.

Jadi sudah tentulah kita cukup bangga dengan usaha kerajaan untuk memerangi rasuah ini. Malah saya juga mengikuti seminar antirasuah baru-baru ini yang dianjurkan oleh Backbenchers Club dengan kerjasama IKD dan disertai juga oleh parti-parti pembangkang. Tuan Yang di-Pertua pun turut hadir, daripada awal sampai ke petang, sampai habis. Saya ucapkan tahniah. Jarang pemimpin-pemimpin besar negara kita dalam seminar-seminar seumpama ini mengambil masa untuk pergi jengok, tengok, dengar dan mengikuti, tetapi perhatian berat Tuan Yang di-Pertua, saya sanjung tinggi, saya ucap syabas dan tahniah dan boleh menjadi contoh dan teladan kepada lain-lain pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang banyak kerana perkara ini telah dibahas begitu berleluasa sebelum ini di Dewan Rakyat dan melalui seminar. Cuma saya

hendak menyebut beberapa perkara yang mungkin ada satu, dua yang pernah saya sebut dahulu.

Yang pertamanya ialah mengenai dengan Fasal 20 yang menentukan di mana mana-mana pihak yang membuat tuduhan palsu, akan dikenakan hukuman. Fasal ini menjadi kontroversi dan mendapat perhatian masyarakat dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan di Dewan Rakyat, di mana saya juga sudah membaca, dengan memberi pengakuan bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan fasal ini untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak malah untuk memastikan fasal ini tidak akan menakutkan mana-mana orang yang ingin tampil ke hadapan untuk membuat aduan jika mereka mendapat bukti kalaulah seseorang itu ataupun seseorang pemimpin itu ataupun mana-mana pihak yang dirasakan melakukan rasuah.

Ada pihak berpendapat pelaksanaan ini boleh menakutkan orang ramai untuk tampil ke hadapan membuat aduan. Saya juga berpendapat begitu, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih lagi belum yakin bahawa fasal ini walaupun diberi pengakuan ataupun diberi saranan bahawa rakyat tidak perlu takut untuk tampil ke hadapan. Sebab masyarakat kita ini masih lagi masyarakat yang belum dalam negara status maju, iaitu rata-rata kita masih lihat perbezaan di antara kehidupan masyarakat kita dalam Malaysia hari ini. Walaupun kita telah maju, tetapi ianya ada banyak perbezaan di antara satu negeri ke satu negeri, dan juga dari segi budaya. Juga kalau di peringkat daerah-daerah masih terdapat lagi rakyat yang saya kira inferior complex, rendah diri, malah tidak mengetahui tentang undang-undang dan seumpamanya. Malah peringkat pegawai-pegawai

ataupun kakitangan kerajaan di peringkat bawah, budak-budak pejabat, office boy seumpamanya yang bawa surat ke sana kemari yang memang bekerja dengan pegawai-pegawai tinggi yang memang pendapatannya RM200-RM300 sebulan, usahkan buat aduan tuduhan rasuah kepada mana-mana pihak, malah kadang-kadang kalau boss gertak, “kalau kamu buat hal, sekarang ini kerja di Kuala Lumpur, aku tukar kamu pergi ke Hulu Perak baru kamu tahu.” Itu pun sudah terduduk, usahkan hendak buat aduan bersabit dengan rasuah.

Saya hendak menyatakan maknanya, inferior complex masyarakat kita orang Malaysia ini belum lagi sampai kepada tahap negara maju. Kerana kalau di negara maju, masyarakat sudah cerdik-pandai, dia tahu undang-undang, dia tahu hak dia dan dia tahu buat aduan, tentulah tidak ada masalah. Tetapi kita di sini keadaan ini belum lagi. Maka sebab itulah untuk hendak buat sesuatu aduan, mungkin dia tidak ada maklumat yang penuh, dia mengesyaki bahawa berlaku rasuah. Dan untuk membuktikan seseorang itu perasuah pun tidak mudah, dengan bukti dan sebagainya, berkejaran di mahkamah, akhir sekali dapati orang yang membuat tuduhan itu tidak cukup maklumat, maka dilepas oleh mahkamah, maka orang ini mungkin diambil tindakan. Ini kebimbangan.

Jadi, macam mana kita hendak menghilangkan keraguan supaya rakyat betul-betul tidak takut, dan bagaimana mekanismenya untuk memudahkan rakyat membuat aduan? Bentuk laporan macam mana? Laporan yang macam mana dianggap tidak palsu? Laporan yang macam mana dianggap benar?

Ataupun kalau tidak lengkap, tetapi kes itu tidak lekat di mahkamah, apakah itu dianggap palsu? Ini mesti dihuraikan dan kempen mesti dibuat secara berleluasa di seluruh negara supaya rakyat boleh turut ambil bahagian dengan cara cergas dalam memerangi rasuah. Kalau tidak, ia tidak ada makna. Maknanya, kalau kita tengok macam-macam hukuman sudah naik, sampai ke penjara sekian lama. Makna menggerunkan, dan orang pun sudah mula takut dengan undang-undang yang ada. Tetapi kita pergi tempel dengan satu fasal, Fasal 20, jadi dia balik semula, back to square, one dari segi psikologinya dalam soal memerangi rasuah.

Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan dari segi usaha untuk meyakinkan lagi rakyat supaya dengan wujudnya fasal ini rakyat boleh tampil ke hadapan. Dari satu segi saya setuju dengan Fasal 20 kalau kita lihat kepada kelakar dan kelakuan parti-parti pembangkang. Parti pembangkang suka buat tohmahan, tuduhan palsu, report palsu. Jadi, kadang-kadang geram juga, saya bersetuju kalau fasal ini diwujudkan. Tetapi oleh kerana walaupun kita tidak mahu parti pembangkang ambil peluang, tetapi dari segi kepentingan rakyat umum, kita letak ke tepi soal parti pembangkang. Saya masih lagi rasa sangsi bahawa fasal ini boleh mendorong, boleh memberi rangsangan kepada rakyat untuk tampil ke hadapan membuat aduan, lebih-lebih lagi mereka yang di peringkat bawah. Sebab yang tahu banyak cerita ini pegawai-pegawai bawah iaitu budak pejabat, budak kerani, yang angkat fail letak di meja dan simpan

fail, pegawai-pegawai rendah. Orang-orang macam ini mungkin tahu. Bila orang-orang macam ini hendak tampil ke hadapan, hendak tidak hendak pula kalau boss itu pandai jaga anak murid dia, anak buah dia, lagilah selamat.

Saya hendak menjelaskan perkara ini sebab saya cukup bimbang, saya bimbang nanti takut-takut selepas ini tiba-tiba walaupun kita pinda akta ini, akhirnya tidak ramai orang tampil ke hadapan untuk membuat aduan. Kita mesti memerangi rasuah ini secara habis-habisan. Saya cukup kagumlah setakat ini dengan Badan Pencegah Rasuah. Kakitangannya, pegawai-pegawainya yang telah menunjukkan prestasi yang baik, walaupun menerima tohmahan, tuduhan, berat sebelah, tidak adillah, macam-macam. Malah dalam seminar antirasuah yang diadakan baru-baru ini saya hadir, ada salah seorang peserta yang telah mengambil kesempatan menyerang Badan Pencegah Rasuah kerana masalah peribadi dengan seorang pemimpin, saya terpaksa sebut di Dewan yang mulia ini sebab saya hendak clear juga nama pemimpin daripada dipergunakan oleh pihak tertentu di mana yang membentangi kertas kerjanya ialah Ketua Pengarah BPR sendiri, tetapi cara Ketua Pengarah BPR menjawab dan menangani masalah itu dengan cukup bijaksana sekali.

Sebab orang tidak tahu betapa rumitnya pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah, tidak bertindak tidak kena, orang kata tidak menyengat. Bila bertindak, orang kata ini kerana hendak mengenakan pihak tertentu. Maka pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah sudah barang tentu menjadi sasaran.

Walau macam manapun, kita lihat daripada prestasinya saya ucap tahniah, kerana untuk mengambil tindakan kepada sesuatu pihak yang dikatakan rasuah memang tidak mudah untuk mendapat bukti, lebih-lebih lagi dalam dunia canggih.

Saya ingat cerita penipuan wang Bank Negara RM22 juta. Ini bukan rasuah, maknanya, penyalahgunaan kuasa dan penipuan yang mana Bank Negara kehilangan RM22 juta. Duit yang dia keluar melalui Bank Bumiputera di Daya Bumi kalau tidak silap saya, salah seorang peguam terlibat, yang buat penangkapan dan seumpamanya. Akhir sekali saya difahamkan mereka boleh dikatakan hampir terlepas, tidak boleh hendak dihukum kerana masalah undang-undang, technicality undang-undang, hendak tengok bukti itu, hendak tengok bukti ini.

Memanglah sebab kita tidak mahu menganiayai orang-orang yang dituduh. Tetapi kerana ini juga orang-orang yang tertuduh, yang melakukan kesalahan terlepas daripada hukuman. Yalah, hukuman Allah Taala wajib mereka tidak akan terlepas macam manapun, tentu tidak akan terlepas. Kaya macam mana pun, besar macam mana, kereta besar sekalipun. Tinggi macam mana pangkat sekalipun, ini yang dijanji oleh Allah Taala tidak terlepas. Cuma hukuman di dunia boleh terlepas. Orang yang bijak boleh terlepas. Dia boleh beli peguam yang mahal, dia boleh beli Queen Council, dia boleh pakai tiga-empat lawyer yang hebat-hebat, dia ada duit banyak sebab dia sudah ambil duit

rasuah sudah banyak, maka dia bolehlah beli lawyer yang hebat-hebat. Lawan pula dengan pegawai pendakwa raya daripada pihak kerajaan yang tugasnya bertimbun-timbun. Lima-enam kes dia kena kendali, esok ada pula kes baru. Kes ini tidak selesai lagi, kes baru pula datang. Lawan pula dengan lawyer-lawyer yang hebat yang dibayar oleh yang tertuduh sampai RM100,000-RM200,000 macam mana hendak lawan, saya hendak tanya pihak kerajaan macam mana hendak lawan? Ini mesti diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya sukalah merujuk kepada Fasal 7(1)(2),(a)(b) dan seterusnya. Ianya ada berkaitan dengan kedudukan taraf seseorang pegawai, iaitu seperti contoh "*7(2)(a) Seseorang pegawai Badan yang berpangkat Penguasa dan yang lebih tinggi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi.*" Yang saya hendak bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, maknanya, Badan Pencegah Rasuah boleh mengambil mana-mana pegawai dan menjadi pegawai Badan Pencegah Rasuah, diberi latihan. Maka mereka yang berpangkat, maka ada kuasa seperti seorang pegawai polis.

Saya hendak mencadangkan kalau boleh supaya kerajaan dapat pertimbangkan. Seboleh-bolehnya pegawai penyiasat ini saya rasa elok diambil daripada anggota polis yang sudah berpengalaman dipinjamkan kepada Badan Pencegah Rasuah. Sebab menjadi seorang pegawai penyiasat ini tidak mudah. Ia tidak cukup dengan enam bulan ataupun setahun latihan. Dia mesti ada

kemahiran, kepakaran. Saya tahu sebab saya pernah ditahan dua kali di bawah ISA, saya pernah di'interrogate' ataupun disoal-siasat. Memang tidak mudah untuk lalui pengalaman-pengalaman pahit ini. Tetapi saya percaya pegawai Badan Pencegah Rasuah juga menghadapi masalah yang sama. Selalunya pegawai Badan Pencegah Rasuah bila dia buat siasatan selalu dia panggil interview, buat statement dan sebagainya. Kalau yang ringan-ringan tidak mengapalah. Saya tidak boleh yakin kalau yang besar-besar, saya minta supaya dibuat terus penangkapan. Penyiasatan mesti dibuat macam ISA. Maknanya, 60 hari disimpan baru efektif. Sebab kalau panggil ke pejabat, dia balik, esok dia hendak mari pula maka dia boleh siaplah mana yang dia boleh betulkan, dia betul. Mana-mana ada correction, dia cari, "eh! aku sudah kena panggil pegawai Badan Pencegah Rasuah semalam, saya jawab macam ini. Kalau kamu dipanggil kamu pun kena jawab sama jugalah." Ada boleh buat pakatan, dan cukup susah.

Memanglah pergi ke Badan Pencegah Rasuah, kalau pergi ke Jalan Duta memanglah dengan suasana kawasan yang agak gelap, menggerunkan. Jadi, ada juga paniknya. Tetapi saya rasa tidak cukup. Saya cadangkan kes-kes yang besar ataupun mana yang perlu supaya penyiasatan dibuat di bawah remand, 60 hari di bawah ISA, lebih-lebih lagi kalau kes-kes besar, macam kes Perwaja contohnya atau mana-mana kes yang besar-besar. Boleh simpan 60 hari, dia duduk dalam, bagi makan cukup, tetapi senang hendak soal-siasat. Sebab saya

dapat tahu satu kes, ada kes saya tidak hendak sebutlah, kes ini mungkin masih disiasat, saya diberitahu. Salah seorang ini cukup susah, bila ditanya dia tidak mengaku, begitu-begini, akhir sekali saya dengar dapat perintah mahkamah masuklah dalam lock-up tiga-empat hari. Bila masuk tiga-empat hari, kebetulan bulan puasa. Jadi, pegawai penyiasat ini pandai, mungkin dia tanya pihak polis, bila simpan dalam lock-up dia tidak tahu siang ataupun malam. Waktu itu bulan puasa. Suatu petang dia pasang kaset takbir Hari Raya ‘Allahu akbar-Allahu akbar wallilahilham.’” Dia dengar takbir itu, dia menangis hendak balik, cari pegawai cerita habis. Tidak payah lagi hendak gertak-gertak. Habis semua cerita terbongkar. Saya dengar cerita betul tidak betul wallahu a’alam.

Maknanya, dari segi psikologi penyiasatan, ini caranya. Kalau kes besar-besar kena suruh datang ke pejabat, lepas itu pukul 9 datang ke pejabat, saya tunggu di pejabat, lepas itu bersebang tidak berapa hendak menjadi. Saya minta supaya ditengok balik akta ini supaya penyiasatan dibuat melalui remand, saya percaya lebih berkesan. Sebab terbukti Akta Keselamatan Dalam Negeri, dalam hendak menjaga keselamatan negara, apabila berlaku sesuatu, polis ambil di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, baik yang melibat dengan soal dadah ataupun hal-hal lain-lain keselamatan, kita tengok dalam tempoh 45 hari, 18 jam satu hari, insya-Allah selesai kes ini, senang. Sebab dia kena kopi-O secawan sehari tidak cukup gula, cukuplah, dia ingat rumah tangga dia, dia ingat anak bini dia, baru dia tahu langit mana dia junjung, bumi mana dia pijak. Kerana hendak kejar kekayaan, biar dia tahu bahawa kekayaan berpuluh juta yang dia dapat secara rasuah tidak akan boleh memberi kebahagiaan kepada anak-anak dan keluarganya.

Saya harap perang rasuah mesti ditreated sebagaimana kita perang untuk menjaga keselamatan negara. Sebab pucuk pimpinan parti, pucuk pimpinan negara, seminar semua sudah mengakui bahawa rasuah ini sama dengan ancaman komunis. Rasuah sama dengan ancaman dadah. Ia boleh meruntuhkan negara, boleh menghancurkan negara. Tidak ada guna kita megah dengan bangunan yang tinggi dalam dunia, kalau negara kita peratus rasuah ataupun dicapkan sebagai negara rasuah seperti setengah-setengah negara yang memang terkenal dengan rasuah, ia tidak mempunyai apa-apa makna.

Jadi sebab itu, saya cadang supaya penyiasatan dibuat secara reman, sama ada lima hari, sepuluh hari, dua minggu, enam puluh hari macam ISA. ISA enam puluh hari maknanya selepas enam puluh hari barulah Menteri Dalam Negeri membuat keputusan. Kalau mungkin empat puluh hari kadang-kadang tidak cukup sebab kakitangan, pegawai-pegawai BPR ini bukan ramai sangat pun, kes banyak. Jadi, maknanya bertimbunlah kes itu hendak menyiapkan penyiasatan. Sebab itu saya katakan kalau reman tujuh hari saya rasa insya-Allah, tiga hari selesailah. Dia boleh, kalau kita lihat kes pembunuhan, kalau tanya tidak mengaku, kalau polis bawa masuk dalam tiga, empat hari sahaja, dia boleh tunjuk pula ke mana lubang, di mana tempat dia bunuhnya, mana parangnya, mana pistolnya, ha macam itu.

Jadi, kalau kita telah anggap kes itu sama dengan rasuah, dadah dan sebagainya, saya rasa kaedah ini patut diguna dan diberi kuasa kepada pihak Badan Pencegah Rasuah, cuma tadi saya sebut, saya minta kalau boleh pegawai penyiasat ini dipinjam dari kalangan kakitangan polis. Pihak polis pun manusia

juga serupa semua orang juga, ada juga polis yang melanggar undang-undang, begitu juga pegawai Badan Pencegah Rasuah, semua manusia, kita tidak tahu. Apabila dikatakan pegawai Badan Pencegah Rasuah tidak semestinya semua 100% okay semua, mungkin ada satu, dua, sebab orang kata 'kelapa setandan mesti ada satu yang buruk' macam ada juga kes-kes pegawai polis yang kita dengar di Johor baru-baru ini ada yang terlibat dengan ganja dan dadah seumpamanya.

Oleh itu, saya cadangkan diambil pegawai polis kerana pengalaman tetapi diambil di kalangan mereka yang sudah menerima Sijil Khidmat Cemerlang, the quality, yang baik-baik daripada ramai pegawai polis ini, diberi insentif, yang kita sudah tahu ada pegawai polis di peringkat Inspektor, ASP yang sudah terbukti bagus ada dapat Sijil Khidmat Cemerlang, pinjamkan kepada Badan Pencegah Rasuah on contract dan diberi kedudukannya itu lebih sedikit, beri kepada mereka.

Saya percaya lebih cepat dan ada juga yang diberi tempoh bagi satu-satu kes exercise mengikut peringkat waktu, saya rasa ini lebih memudahkan. Kalau diambil pegawai biasa pula, selepas latihan mungkin belum bersedia lagi tetapi kena mengendalikan kes-kes yang besar ataupun mengendalikan apa-apa kes pun kalau tidak ada pengalaman yang cukup mungkin susahlah, sebab characternya mesti tough, muka manis tetapi orang takut, ha macam itu. Orang akan melihat orang yang macam itulah, makna dia tanya sepatah orang akan

menjawab sepuluh patah perkataan, tetapi kenalah ada strong character dan tidak boleh pilih kasih sebab keputusan yang dibuat jangan ikut pangkat, jangan ikut kedudukan, tidak kira parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu, saya juga ingin mencadangkan di sini, kes-kes yang membabit tokoh-tokoh dalam kerajaan di mana di kalangan parti-parti politik dan pegawai-pegawai penting kerajaan yang di peringkat negeri, saya minta supaya disiasat terus oleh ibu pejabat, bukan diserahkan kepada negeri berkenaan. Sebab maklum sahajalah, pegawai-pegawai ini walau macam mana pun dia lama sangat di sesuatu tempat, dia telah kenal dan telah baik, terutamanya pegawai-pegawai kita orang Melayu di Malaysia ini satu perkara sahaja cukup baik di Malaysia ini, baik. Kadang-kadang kalau orang menyanyi orang Malaysia pun dia boleh suka ‘terror’ dia kata, bukan dia cakap apa, ada juga yang berkata begitu. Fasal apa, dia rasa complacent, negara kita ini makmur, tidak ada masalah, jadi, kalau negara lain kecil sedikit pun kalau kereta api berlanggar pun ada menteri yang meletak jawatan. Ini contohnya.

Kalau tidak di sini, dengar macam cerita-cerita besar, macam Bank Negara dahulu, RM22 juta duit hilang, tidak ada orang yang marah pun. Cuma orang bercakap sahaja, sebar begitu, “Oh terror Che Man Che Mud ini”, dia appreciate pula. *[Ketawa]* Ini susah dengan masyarakat Malaysia. Dia attitude complacent, maknanya dia tidak kisah sangat.

Jadi, samalah juga di peringkat negeri-negeri, dia duduk berkawan baik, ada orang-orang yang pandai, yang bagus, good public relationnya, sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, orang yang master the art of Public Relations, dia apply kepada semua perkara, bukan sahaja dia hendak cari projek, dia pergi rapat dengan pengerusi tender, dia rapat dengan orang itu, dia pergi tunggu di airport, dia boleh bawa beg, lepas itu kalau dengar isteri orang itu sakit, dia hantar bunga, dia boleh buat macam-macam, hari birthday party pun tengok-tengok hadiah besar, tetapi Melayu yang beri.

Jadi, akhir sekali, dia keras macam mana pun, dia tahu kawan ini yang bersalah tetapi dia pun berasa sudah mula serba salah. Ha, ini, jadi, sebab itu, pengendalian kes-kes tertentu saya minta diteruskan daripada ibu pejabat. Contohnya misal kata kalau ada kes di Terengganu ataupun kes di Kelantan yang membabitkan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, yang besar-besar ini, ha ini terus ke ibu pejabat ataupun ibu pejabat boleh assign lima orang daripada pegawai-pegawai BPR Johor datang ke Kelantan duduk tujuh hari siasat kes ini, tanpa campur tangan, cuma di peringkat negeri itu hanya tolong menyelaras sahaja.

Saya rasa ini satu kaedah yang baik, sebab kita orang Malaysia ini baik-baik, maknanya dia tidak kisah sangat, usahkan hendak pergi report, usahkan hendak buat laporan, yang dia tahu sangat itu, dia boleh ketawa, dia boleh beri

penghargaan terrornya orang ini, orang ini bijak - itu sahaja. Bukan dia marah atau apa.

Ini saya hendak menyebut dalam pengalaman setakat yang saya duduk perhati. Sebab itu saya cadangkan supaya polis yang dapat Khidmat Cemerlang ini pangkat Inspektor ataupun ASP ditambah dipinjamkan kepada Badan Pencegah Rasuah untuk dijadikan pegawai-pegawai penyiasat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak menyebut juga di sini tentang penalti, penalti ini semua naik. Maaf saya lupa tadi, waktu saya menyebut Fasal 20, denda yang dikenakan kepada orang yang membuat laporan palsu ini kerana kita hendak mengelak daripada orang mengambil kesempatan, RM100,000, baru-baru ini sewaktu Seminar Antirasuah, Deputy Commissioner Antigraft Hong Kong memberi kertas kerja, dia memberitahu fasal ini telah ada di Hong Kong, telah wujud di Hong Kong dan sudah ada orang yang telah kena dakwa yang membuat laporan palsu ini, tetapi dendanya RM10,000, ini bunyinya RM100,000 lagi takut. “Ooh, RM100,000 hoh!” [*Ketawa*] Gajinya RM300! Ini yang menjadi masalah. Saya tidak tahulah macam mana kaedah kerajaan hendak memperjelaskan supaya hal ini kita ada kredibiliti yang lebih kuat lagi.

Saya hendak berbalik kepada persoalan penalti ini. Penalti ini pula memang telah dinaikkan, cuma saya hendak cari ada atau tidak bahagian yang ditetapkan secara mandatori - tidak ada! Saya rasa patut ada, hal-hal seperti ini,

sepatutnya ada dalam akta ini sebenarnya, kes yang seriuslah, patutnya macam Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar, Exco, KSU, TKSU, Ketua Pengarah agensi, pengerusi jawatankuasa panel, tidak kiralah, patutnya yang ini didenda RM10,000 atau sepuluh tahun jel atau tiga tahun jel tak cukup, patut ada mandatori, tidak usah lama pun tidak mengapalah. Mandatori enam bulan, rehat Sungai Buloh, duit yang dia dapat itu pun untung juga kalau dia tidak pakai enam bulan itu, bunga pun naik. Jadi, tidak adalah menyusahkan sangat, beri mandatori sekurang-kurangnya enam bulan ataupun tiga bulan kerana hendak tunjuk seriousness itu. Saya bukan joke, saya cadangkan di sini supaya, cuba kita lihat hukum bunuh mandatori kepada pengedar dadah yang membawa heroine, ganja, sekian-sekian kilogram, mandatori dan kita sudah samakan rasuah dengan pengedar dadah. Ini bererti kalau kes rasuah itu melebihi RM100,000 sepatutnya ada hukuman mandatori enam bulan penjara, tiga bulan penjara, baru kes ini berkesan.

Ahli Yang Berhormat Senator yang mewakili PAS itu tengok seronok! Ha, tengok orang UMNO bercakap, lepas itu dok marah lagi kepada orang UMNO, tengok itu. Pada hal kita lawan orang yang macam ini yang hendak bercakap, ha tengok itu!

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Memandang ke arah Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Masuk UMNO sahajalah! *[Ketawa]* Kelantan pun sudah kalah! *[Ketawa]* Kalau boleh! Ha, betul, dia tengok kita bercakap bermakna kita menghujah dengan cara yang rasional dan memanglah kerajaan akan pertimbangkan saya percaya, step by step. Serupa juga hendak buat Islam peringkat demi peringkat, tidak boleh gelojoh, ini pun kerajaan sudah mengkaji dah, cuma saya bangkitkan perkara ini untuk difikir pada masa depan, bila kita menempuh tahun 2020 nanti, setahun ke setahun maka kita semakin matured, kita semakin maju ke depan, akta ini kalau boleh dipinda dari masa ke semasa supaya ada hukuman mandatori.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan tidak memberikan laluan kepada saya. Saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi berkenaan dengan penalti ini ataupun denda yang dikenakan kepada orang-orang yang bersalah disabitkan dari segi undang-undang Pencegahan Rasuah, adakah dia bercadang untuk meninggikan lagi atau menaikkan lagi dari segi hukuman ini yang menerima rasuah lebih dari RM1 juta supaya mereka ini dihukum sehingga penjara seumur hidup?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan hukuman maksimum tetapi soal seumur hidup atau dua puluh tahun, itu terpulang kepada perbincangan. Tetapi, kalau Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, alhamdulillah, dia orang bersih, kalau dialah lebih 100 tahun pun saya bersetuju. *[Ketawa]* Tetapi, saya berani bercakap sebab dia ini dahulu Speaker Pahang dan pernah jadi ahli Exco, memang rekodnya baik, ini sebagai pemimpin contoh jugalah.

Jadi, walau macam manapun yang saya sebutkan tadi, maknanya kena ada juga mandatori at least, sebab kalau dia rasuah didapati salah kena RM20,000 atau RM30,000 yang dia kaut dekat RM3 juta. Apa gunanya kes yang bayar RM20,000? Ada satu kes insider trading yang berlaku sebelum ini seorang tokoh korporat, saya tidak hendak sebut nama, kena bayar RM500,000 kerana didapati bersalah. Dia bayar RM500,000 dan relax, balik semula jadi seorang tokoh korporat, tidak ada makna! Bukan menjadi pengajaran, misalnya kena denda RM30,000 kita menyamun RM100,000 bayar RM30,000.

Ada pula orang mengatakan betul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, kalaulah kata kena mandatori dua tahun bermakna dua puluh empat bulan, saya sudah masuk dah selama dua puluh empat bulan dahulu di bawah ISA. *[Ketawa]*

Itu bukan kena bayar apa, itu kerana perjuanganlah. Tetapi pada setengah orang kalau dua tahun dia rompak katalah RM24 juta, dia dapat melalui rasuah, dia kena dua tahun, dia rehat dalam penjara, selepas dua keluar

dua tahun dalam jel duit RM24 juta sudah jadi RM30 juta, ada interest dan sebagainya, siapa yang tidak hendak masuk dua tahun untuk dapat RM30 juta? Heh bagus pelaburan ini. *[Ketawa]* Ha, orang berniaga, orang kerja gaji RM3,000 sebulan macam kita ini Ahli Dewan Negara inilah, setahun baru RM36,000, ha, belanja untuk rakyat, kenduri kahwin, hospital lain, itu lain, ini lain, itulah, inilah macam-macam. Ini tempoh RM100,000 senang-senang sahaja dapat, RM200,000 senang sahaja dapat, RM300,000, masuk dua tahun tidak ada benda, keluar-keluar sihat. Ha, jadi, macam mana?

Sebab itu saya kata mandatori patut dari segi jangka masa itu biar betul-betul berkesan, kalau seumur hidup biar seumur hiduplah. Asalkan perkara ini dapat kita lawan betul-betul, betul saya cakap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bercakap ini dengan penuh tanggungjawab, sebab kita tidak mahu di dalam negara kita yang Allah S.W.T. beri dengan segala rezeki kemewahan untuk masa depan negara kita, jadi, kita tidak mahu macam kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membina negara siang malam, umur 72 tahun. Tengok dalam televisyen ke hulu ke hilir, ke luar negeri, balik ke Malaysia berucap di sana, berucap di sini, berunding di sana, berunding di sini, akhir-akhir sekali dalam pada dia dok buat kerja selama macam ini ada tiga, empat, lima orang atau sepuluh orang atau dua puluh orang yang melakukan rasuah. Pangkat sudah diberi, jawatan sudah diberi, glamour pun sudah ada, televisyen pun sudah masuk setiap hari, tetapi pun tidak cukup lagi, rasuah lagi. Orang yang macam ini macam mana? Hendak kena diajar betul-betul! Tidak

kira siapa kalau kena kepada saya, saya bukanlah emosi, saya mengingatkan diri saya sendiri, tetapi bagi kita yang berjuang dengan ikhlas ini macam mana? Orang-orang kampung yang bekerja bersungguh-sungguh memberi sokongan kepada kepimpinan, membangun negara. Pendek kata dia hidup dengan apa yang didapat secara halal.

Orang ini macam mana? Tetapi ada orang sampai mengaut kekayaan tanpa mengira undang-undang, tidak ada moral, tidak ada akhlak. Sudahlah dia dapat kedudukan, ini juga saya kira menghina pucuk pimpinan kita, belajar dengan pucuk pimpinan. Parti pembangkang pun patut ikut cara Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, ikut cara Timbalan Presiden, cara hidupnya, perwatakannya, cara belanjanya, cara macam-macam. Ini, cakap lain buat lain. Betul, lambat laun Allah Taala tentukan, terbukti juga kebenaran akhirnya menang, benar! Tengok di Semerak, Kelantan - akhir sekali orang tidak fikir, kalah PAS [*Tepuk*] Alhamdulillah sebab yang bercakap tidak serupa bikin, tunggulah sesiapa pun kena. Sudah banyak sejarah, dulu saya pernah dengar pemimpin-pemimpin besar, hebat, pakai bush-jacket, bersongkok, karakternya tengok dalam TV, wah, bukan main tetapi bila sampai masa kena, kena! Sebab Allah Taala tidak pernah mungkir janji.

Yang saya hendak tekankan ialah bagi orang-orang yang berjuang dengan ikhlas, lepas itu ada pula satu, dua yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan tidak memikirkan kesannya melakukan rasuah -

mengejar kekayaan, hendak cari duit sampai tidak kira had manakala bila sudah kaya sangat makan pun kurang - diabetes - kencing manis, sakit jantung, entah apa-apa - nama-nama penyakit pun sudah kronik sekarang ini, saya hendak sebut sudah tidak mengerti, sakit otak, bengkak telinga, gout, macam-macam penyakit dia kena, macam-macam penyakit datang. Lepas itu makan sedikit-sedikit, lepas itu bila sakit sedikit sahaja, rupa-rupanya sakit kepala, terbang ke London - hospital di London, masuk jumpa specialist, all the specialists jenuh dah, lepas itu orang ini baru hendak pakai baju hospital sahaja, baru register, petang itu bunga sudah dekat selori orang hantar. Itulah budaya yang kita lihat, betapa masyarakat hari ini - sudah selori bunga! Bunga itu pula RM100, RM50, RM200 - bunga itu sahajalah kalau di kampung, kalau saya jamu rakyat miskin, satu bunga RM150 itu 100 orang sudah boleh makan.

Ini saya hendak buat perbandingan, kalau dulu kita lupa. Sebab itu hendak makan setakat mana sangat? Perdana Menteri pernah berkata setakat mana sangat kita hendak makan, adakah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, mee yong tau-fu harga sejuta? Tidak ada! Kalau harga RM50 itu kira sudah special - udang besar-besar lengan, udang ini paling mahallah tetapi kalau pergi dekat Jalan Tuanku Abdul Rahman itu - yang nasi kandar itu paling best besar ini udang seekor - *[menggayakan sebesar lengan]* baru RM18.

Seorang Ahli: Urdu Restoran.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Aha, Urdu Restoran - baru RM18! Itu pun dah kena cari Eno lepas itu sesudah makan penuh ketat dalam perut ini, hendak beri sejuk sedikit. Maknanya, makan pun tidak habis RM300, lepas itu bila sampai waktunya sudah - kalau orang-orang Islam pulang ke Rahmatullah, kita matikah, ya atau tidak? Orang Islam naik ke Baitulmal, lepas itu adik beradik pula bergaduh, kalau isteri dua, tiga bergasak pula! Yang Berhormat Datuk Rahim Baba itu atur betul-betul. *[Ketawa]* Bergaduh begitu, beginilah. Saham sana, saham sini, saya terus terang - saham sana, saham sini, saya sudah tengok rakan-rakan kita sendiri - Bergaduh! Jadi, maknanya anak-anak bergaduh, saudara bergaduh, adik beradik bergaduh, jadi sebab apa, sebab akhirnya kekayaan juga tidak membawa kepada kebahagiaan kalau kita tidak dapat dengan cara halal kita tidak atur dengan betul.

Sebab itu kalau kita tengok perkara-perkara seumpama ini, saya bila tengok orang-orang kaya yang hebat-hebat, saya selalu consul - tidak apalah, biarlah dia orang kaya, kita cukup macam ini, hendak juga kadang-kadang itu, teringin juga tetapi kita tengok fasal sudah banyak pengalaman - kes di Mahkamah Syariah sekarang ini yang saya tengok.....

Tuan Rosli bin Mat Hasan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rosli hendak minta jalan.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita faham, Yang Berhormat Datuk Ibrahim ini seorang ahli korporat yang telah dikenali sebagai orang kaya tetapi sifatnya yang faham membalas budi kepada rakyat. Jadi, tadi katanya melihat orang lain kaya, Datuk ini tidak senang lagikah? *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ini kena perangkap samar ini! *[Ketawa]* Saya tidak kata saya miskin, saya tidak kata saya susah sebab sepanjang ingatan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ini kalau susah pun serupa itulah, senang pun serupa itulah tidak ada beza. Jadi, orang tidak tahu saya susah, orang tidak tahu saya senang. Kadang-kadang saya susah tetapi lagak saya macam saya orang senang sebab dalam politik kalau nampak susah, hancurlah! Tidak adalah orang hendak sokong. Kadang-kadang saya 'eks' sahaja sebab saya tengok ada tokoh-tokoh korporat, lawa-lawa, smart ya tak? Itu betul-betul kaya! Kita pergi selekeh outlah kita! Macam Yang Berhormat Senator Rosli, saya pun pakai smart juga, letak sapu tangan dalam poket - duduk barisan sama, samalah! Itu sahajalah tetapi kaya pun tidak susah pun tidak, saya belum lagilah hendak kata tokoh korporat tidak, belum, belum, belum lagi!

Seorang Ahli: Akan datang.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Akan datang, insya-Allah kalau ada rezeki tetapi insya-Allah mudah-mudahan Allah Taala beri dengan cara halal. Jadi, tadi saya sebut fasal penalti tadi. Maknanya ada penalti yang cukup tetapi

tidak cukup ini sebab saya sudah sebut tadi, contoh yang paling baik, insider trading kena hukum salah RM500,000 denda, nothing RM500,000 - bayar. Keluar surat khabar - glamour! Orang yang dituduh didenda RM500,000 dan bayar RM500,000 keluar surat khabar - glamour! Diberi front page pula, adalah kolumnya - Malaysia ini satu hal juga, kalau hendak masuk surat khabar kena buat cerita-cerita. Kalau Yang Berhormat Haji Hamzah Md. Zain ini kalau hendak keluar surat khabar kena buat cerita-cerita macam ini. Dia buat kerja bersih, biasa sahaja, lambat sangat hendak masuk. Contohnya.

Sebab itu saya kata denda belum pasti kita boleh menghapuskan semua ini. Sebab Allah Taala berfirman dulu-dulu lagi perkara-perkara pelacuran, hal-hal kemiskinan memang akan wujud di dunia ini sampai bila-bila pun tetapi kita cuba lawan tetapi saya sebut tadi supaya akta kita ini berkesan supaya betul-betul menyengat. Orang rasa takut, orang rasa gerun, orang boleh tampil ke hadapan untuk beri laporan. Kita hendak macam itu. Ini kalau sudah member sudah start sembang, pegawai-pegawai di pejabat dia pandai nanti tetapi kalau sayalah saya ini hendak buat tidak baik - saya jadi pengerusi. Sebulan sekali saya panggil pegawai-pegawai di bawah sayalah, saya pun bercakap - morning prayer "Assalamualaikum warahmatullah.....okay, saya harap pegawai-pegawai saya ini, kalau hendak buat apa-apa laporan mesti betul, kalau tidak betul jaga! Yang mana ada bekerja sekarang saya tukarkan ke Ulu Kelantan, ke Ulu Perak, ke Sabah" Mahu dia hendak buat laporan!

Usahkan denda, dia sudah ugut begitu dia sudah tidak berani, mereka hendak fikir anak isterilah macam-macam. Jadi, sebab itulah penalti tadi saya hendak minta - kalau tidak sekarang pun akan datang untuk rekod *Hansard* sekurang-kurangnya saya rasa lega, esok-esok.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta pandangan sedikit ya. Pertama Yang Berhormat sebut kalau RM500,000 tidak cukup, berapa Yang Berhormat ingat hendak cadangkan supaya kita boleh pertimbangkan di masa akan datang?

Nombor dua ini, yang dok sebut Ulu Perak ini sudah dua kali, teruk benarkah Ulu Perak ini? *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ulu Perak sebenarnya tidak teruk tetapi bila sebut nama itu orang takut. Macam Ulu Kelantan sekarang ini sudah tidak ada masalah, ini masa Tan Sri Mohamed Yaacob, Yang di-Pertua kita sekarang jadi Menteri Besar dahulu, dia majukan Gua Musang, ada KESEDAR dan sebagainya, itu masa Barisan Nasional dahulu tetapi bila sebut Ulu Kelantan, Gua Musang, siapa hendak pergi? *[Ketawa]* Tetapi air terjun, LADA semua ada tetapi orang takut.

Soal maksimum denda RM500,000 ini maksud saya maknanya tengok keslah. Dia kena biar detailah, biar terperinci, kalau dari segi didapati rasuah hartanya semua sekali dirampas, completely rampas yang kes besar-besar ini. Mandatori enam bulan lepas itu kerajaan tanggunglah RM500 sebulan sebagai

di bawah sosial, macam itu. Kalau buat macam itu baru berkesan, kalau tidak sekarang ini dia cari jalan sahaja, terlepas, pandai betul! Lawyer-lawyer tidak ada masalah, pakar-pakar, ini sekarang lawyer cukup pandai, macam Yang Berhormat pun lawyer juga! Betul! Saya dulu hendak ambil law tetapi tidak jadi. Kalau saya ambil law dulu bolehlah lawan Tuan R. Karpal Singh - tidak jadi, sudah belajar dulu dekat ITM tidak berapa hendak lepas. Saya tukar kursus, saya ambil kursus bercakap. *[Ketawa]* Mass Communication, jadi public speaking selalu A, saya belajar dulu. Mula buat law first semester saya tengok buku banyak sangat tidak larat jadi saya jumpa pengarah saya tukar ke Mass Comm. belajar bercakap, Alhamdulillah ini cukup baik bercakap. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah yang saya. Ini ada satu lagi, akhirnya sedikit sahaja. Ini rasuah masa pilihan raya. Ini saya hendak sebut juga ini. Hal rasuah masa pilihan raya ini satu hal juga, belum bercakap politik wang dalam parti, rasuah masa pilihan raya. Saya kalau orang bercakap, kalau orang PAS dengar, kalau orang luar dengar, betulkah Datuk Ibrahim Ali ini bercakap tetapi sebenarnya macam pilihan raya di Semerak yang baru selesai semalam. Saya macam betul-betul tidak percaya, bukan saya hendak kempen - ini pilihan raya sudah selesai. Dulu, dulu-dululah PAS buat, sebab itu bila ada kita tegur Kerajaan Kelantan janganlah cuba hendak mengamalkan rasuah masa pilihan raya dengan membuat jalan raya. Jalan Tok Bali ke

Semerak lebih kurang satu setengah kilometer - Menteri Besar Kelantan rasmikan semasa pilihan raya - 9 haribulan, dua hari sebelum pilihan raya. Dia buat cara kilat jalan itu, jadi bila orang tanya bukankah ini satu rasuah pilihan raya? Dia jawab di TV “Apa sibuk-sibuk ini?” dia kata, cakap Kelantan “Demo buat kita buat juga” makna you buat kita buat itu parti PAS yang bercakap ini, Mursyidul Am bercakap, maknanya ‘the end justify the mis’ dia sudah menghalal cara untuk asalkan matlamat tercapai. Ini parti Islam yang buat, kita UMNO dulu dok tuduh macam-macam tetapi yang saya bangga pucuk pimpinan kita, Perdana Menteri - saya juga dalam Majlis Tertinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya hendak beritahu untuk pilihan raya di Sabah baru-baru ini pun orang UMNO dalam pilihan raya merungut ini boleh menangkah atau tidak boleh menang ini, peruntukan tidak cukuplah, belanja tidak cukup sebab Barisan Nasional tidak beli undi, projek pun tidak buat, satu tidak buat. Tidak adalah kata buat jalan rayakah masa pilihan raya baru ini, rasmi sekolah barukah atau beri Sijil ASBkah, tidak ada masa pilihan raya, semua ini kita boleh buat tetapi despite that, aduh! Barisan Nasional menang cemerlang - 788 cakap Orang Putihlah [*Ketawa*] sebab semua orang tidak fikir, kenapa? Semalam orang bertanya kenapa, saya tidak hendak bercakaplah, saya tidak hendak lari jauh ini bab rasuah, cuma saya hendak sebut ada masalah pembelian undi ataupun rasuah dalam pilihan raya - buku Yassin - hulur dalam RM10.00, naik ke rumah-rumah minta tunai.....

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dah, saya kata dah. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih. Apakah Datuk Ibrahim Ali dapat membuktikan, benda itu dah sudah, kejap lagi saya pun hendak bercakap juga tetapi lama sungguh Datuk Ibrahim mengambil masa ulang benda yang sama. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak habis dah. Inilah masalah bukti ini. Hendak pergi cari bukti yang susah ini sebab diberi kepada orang kampung satu buku Yassin, dimasukkannya duit RM10, kita hendak pergi tangkap dia ataupun hendak - benda itu hendak dijadikan bukti - kita bawalah Pak Mat ini - Pak Mat dari Gong Kala, dia dapat RM10 takkan dia hendak mengaku, menyusahkan anak isteri dia lagi. Dia tahu dia kena pergi ke mahkamah. Dalam masyarakat Melayu kita lebih-lebih lagi di Kelantan, usahkan kes macam ini, kadang-kadang kes samankah polis suruh pergi balai pun dia tidak hendak dah, hendak suruh pergi ke mahkamah pun tidak mahu dah. Betul, Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya katakan sukar hendak itu, sebab itu kalaulah hendak ada bukti tidak ada bukti saya hendak cadangkan waktu pilihan raya akan-akan datang tolong tambah pegawai BPR, biar pegawai BPR berperanan semasa pilihan raya.

Sama dengan peranan Pegawai Suruhanjaya Pilihanraya, both be fair. Maknanya dia ada cukup pegawai, on the spot. Takkanlah saya kata, Pak Mat, ini orang PAS sudah beri RM10 dengan buku Yassin pada malam ini. Saya hendak report besok, turun dari pejabat itu, kemudian pegawai pula pergi kursus, hendak report kepada siapa? Ini dari segi masa. Tetapi kalau dia ada di sana, tanpa kita report, dia sendiri boleh memasang perangkap kepada orang

yang tidak jujur dalam pilihan raya yang menggunakan politik wang ataupun beli undi, dia boleh hantar ke sana. Hantarlah sekali pilihan raya kecil contohnya, pilihan raya umum sukar, sampai 50-60 orang pegawai menyamar sebagai orang biasa, dia pergi dengar ceramah PAS, dia duduk depan tok guru, dia pakai serban, bila Allahu Akhbar, dia pun Allahu Akhbar, gerenti bertemulah nanti bukti itu.....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Tadi Yang Berhormat bercakap tentang rasuah pilihan raya dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat sedar sebenarnya dalam Hadis, dengan izin, maksudnya: Orang yang terima rasuah dan orang yang pemberi rasuah adalah kedua-duanya masuk neraka. Jadi, kalau ada pemimpin PAS sendiri yang mengatakan bolehlah terima rasuah ini, apakah mereka juga boleh digolongkan dalam golongan ini? Kalau boleh Yang Berhormat menjelaskan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Betul, Yang Berhormat, seratus peratus saya setuju. Cuma orang PAS ini dia pemberi, dia tidak takut sebab dia kata syurga dia punya - ha, kita nak buat macam mana? *[Ketawa]* Dia kata, syurga dia punya. Dia sudah gerenti, dia kata dia masuk syurga. Sokong PAS, masuk syurga. Undi PAS, masuk syurga. Jadi pada dia, dia beri kepada orang itu

mungkin orang itu yang berdosa, dia tak ada, sebab dia sudah gerenti syurga. Andaiannya begitulah.

Semalam saya beritahu kepada Yang Berhormat, saya jaga peti undi di Semerak, di Cherang Ruku, waktu itu kempen, betul. Ada seorang itu pakai baju merah, ada keluar dalam TV, saya tengok macam dia hilang akal, dia lalu, dia meludah ke poster Barisan Nasional, meludah ke pemimpin di depan saya, saya Ahli Dewan Negara kena jaga standardlah, dia mengata macam-macam, ini kafir, ini toghut - ini, ini, dia angkat poster bulan, kalau nak masuk syurga - ini. Dia tunjuk atas muka. Saya ingat nak gedebuk dah, tapi saya Ahli Dewan Negara, takkan saya nak buat kerja macam itu. *[Ketawa]* Betul. Jadi, dia bermegah betul, dia lalu, memang dia buat, selepas itu yang lain ikut, bawa budak-budak pondok jadi perayu undi di depan itu, pakai serban semua budak-budak pondok, entah datang daripada mana, ramai sungguh. Maknanya satu tempat itu sampai 1,500, 2,000 orang di depan tempat mengundi itu, berapa banyak belanja? Alangkah bahagianya kalau dia gunakan duit itu untuk tolong orang miskin. Kita tidak ramailah, 100 orang, 200 orang.

Saya ucapkan terima kasih sebab hendak beri peluang kepada orang lain pula. Lagi banyak bertanya, lagi saya jauh, lagi senak pula nanti, jadi cukup setakat itu sahajalah. Jadi saya menyokong rang undang-undang ini dan ucap tahniah kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:

[Bangun]

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan dahulu, kemudian Yang Berhormat Puan Jamilah.

4.48 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali yang baru bercakap tadi, begitu panjang dan lebar tetapi tidak mengantuk kita mendengar dia bercerita.

Saya tidak berniat untuk bercakap panjang dan lebar di sini kerana ramai kawan saya Yang Berhormat lain hendak memberi hujah masing-masing. Saya tetap menyokong penuh Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, bagaimanapun, izinkan saya memberi sedikit pandangan untuk renungan semua Yang Berhormat ahli-ahli Dewan.

Pertama, kuasa pegawai-pegawai atasan BPR harus diberi kuasa tertinggi untuk mendakwa mereka yang telah sah dalam penyiasatan BPR terlibat dengan rasuah. Kita takut jika semua kes yang disiasat oleh BPR diserahkan kepada Peguam Negara, mungkin akan mengambil masa yang lama untuk BPR mendakwa orang berkenaan di mahkamah kerana Peguam Negara

juga banyak tugas yang lain yang lebih penting, kadang-kadang sesuatu kes yang hendak diselesaikan pun memakan masa bertahun-tahun.

Kedua, BPR juga mesti menentukan siapakah yang akan menjadi pendakwa terhadap sesuatu kes yang berkaitan dengan rasuah. BPR mesti mengelakkan perkara pendakwaan bukan sahabat dan bukan juga saudara-mara dengan yang tertuduh. Jika tidak, kes rasuah susah hendak diselesaikan dengan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Ketiga, BPR janganlah menakut-nakutkan orang ramai yang memberi maklumat kepada mereka. BPR sepatutnya mendidik golongan belia supaya menjauhi rasuah. Badan ini sentiasa menolong orang ramai tentang cara-cara untuk membuat aduan tentang rasuah. Galakan mestilah diberikan kepada orang ramai bagi membuat aduan tersebut.

Jika langkah ini diselesaikan dan dilaksanakan, saya berkeyakinan negara kita akan bersih daripada rasuah. Yang menjadikan rasuah berleluasa adalah daripada masyarakat kita sendiri, yang mana hendak lekas kaya, yang hendak lekas mewah tidak terfikir masa masuk nerakakah, tak kisah, setahunya mewah dan puas, apa yang dikehendakinya semua dapat. Tetapi kalau kita mengamalkan disiplin diri sendiri, menjaga tebal hati imannya, kuat kepada agama, tentu rasuah tidak akan berlaku. Inilah satu kelemahan manusia yang patut kita atasi.

Selain daripada itu, saya ucap lagi sekali syabas dan tahniah kepada pegawai-pegawai pencegah rasuah yang banyak menjalankan tugasnya. Saya harap dikekalkan lebih berjaya lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

4.52 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Sebelum saya kemukakan beberapa point yang akan saya utarakan di sini, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali tadi adalah tidak tepat dan kalau saya hendak beri laluan pun memang tidak ada waktu yang boleh saya kembalikan kata-kata beliau, saya biarkan sahajalah, dengar apa yang dia hendak bercakap, sebab kami di dalam PAS, insya-Allah, kami elakkan daripada rasuah, sebab itu kami di dalam PAS tidak mengejar kekayaan kerana kami takut kepada Allah, takut kepada rakaman pita video para Malaikat. Dan kebetulan kita menerima kekalahan.....

Tuan Rosli bin Mat Hasan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah beri laluan kepada Yang Berhormat Tuan Rosli?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tumpang belajar dan bertanya kepada Yang Berhormat Puan Jamilah kerana katanya dalam PAS takut kepada Allah, kemudian tidak mengejar kepada kekayaan. Apakah ini ada sunnah Rasulullah ataupun ini merupakan ajaran dalam agama kita, apabila kita takut kepada Allah, kita tidak mengejar kepada kekayaan?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sunnah Rasulullah dan kesederhanaan hidup yang dianjurkan oleh Islam. Mengejar kekayaan, biarlah kekayaan yang betul-betul pasti halal dan bersih.

Izinkan saya terus kepada perbincangan mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah.

Isu rasuah tiba-tiba sahaja timbul sejak beberapa bulan kebelakangan ini.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berikah?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya rasa biar saya beri pandangan untuk membahaskannya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Isu rasuah tiba-tiba sahaja timbul sejak beberapa bulan kebelakangan ini sebaik sahaja kerajaan melihat gejala politik wang di dalam masyarakat semakin berleluasa dan tidak dapat dikawal lagi. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan haruslah mengambil langkah dramatik bagi menangani isu-isu ini.

Oleh kerana timbulnya pelbagai reaksi di kalangan anggota masyarakat dan pimpinan-pimpinan parti politik di Malaysia - saya cukup jaga bahasa, saya tidak sentuh bahawa parti politik UMNO dan sebagainya - terhadap isu sebegini, maka pihak kerajaan dikatakan bersedia untuk membasmi gejala tersebut. Antaranya, dengan meminda akta rasuah dengan mengemukakan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Prinsip rang undang-undang ini memerlukan seseorang yang dituduh mengamalkan rasuah membuktikan dia tidak bersalah. Mengikut pindaan itu, seseorang yang dituduh melakukan rasuah oleh pendakwa raya, perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa dia memperolehi hartanya secara sah. Mengikut prinsip perundangan sekarang, seseorang yang dituduh tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah oleh mahkamah dan bertanggungjawab membuktinya itu terletak kepada pihak pendakwa. Dalam pindaan ini,

pendakwa raya boleh meminta seseorang menjelaskan bagaimana dia memiliki hartanya dengan membuat kenyataan sumpah. Sekiranya gagal memberi penjelasan yang memuaskan berhubung memiliki harta melebihi pendapatan di dalam pernyataannya, dia boleh didakwa bersalah.

Secara sepintas lalu kelihatan tindakan ini amat menarik. Namun, sejauh mana keberkesanan rang undang-undang ini masih diragukan. Keraguan ini timbul kerana Badan Pencegah Rasuah masih dikawal oleh pihak-pihak tertentu. Seharusnya Badan Pencegah Rasuah dibenarkan bebas sebeb-bebasnya dan hanya bertanggungjawab kepada Parlimen. Jawatan Peguam Negara juga dikawal oleh pihak-pihak tertentu. Maka betapa baiknya siasatan dikemukakan oleh BPR dan ramainya orang yang disiasat itu, namun BPR masih tertakluk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mengemukakan kertas tuduhan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kedua-dua badan ini, iaitu BPR dan Jabatan Peguam Negara.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika minta laluan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya mendengar Yang Berhormat menyebutkan bahawa pihak BPR dan juga pihak yang mendakwa dikawal oleh pihak-pihak yang tertentu

dan Yang Berhormat mencadangkan supaya mereka ini direct di bawah Parlimen. Adakah Yang Berhormat berpendapat apa-apa kes ataupun isu-isu yang timbul di bawah dua jabatan ini harus dibincangkan di Parlimen. Tidakkah pemerintah perlu mengawal? Siapa pihak tertentu Yang Berhormat maksudkan itu? Adakah kerajaan yang sedia ada ataupun bagaimana? Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang bertanggungjawab direct di bawah Parlimen. Pihak kerajaan mesti memastikan kewibawaan kedua-dua institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi seorang, Yang Berhormat Tuan Hanipah minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan di atas satu ungkapan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Peguam Negara adalah terletak di bawah sesuatu pihak yang berkenaan. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah ini satu tuduhan ataupun satu andaian yang dibuat oleh Yang Berhormat sendiri?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak membuat andaian. Harapan saya memastikan bahawa pihak Peguam Negara dan pihak BPR itu diberi kebebasan, di'counter' ataupun dikawal oleh pihak kerajaan bagi memastikan kewibawaan dan kebersihan kedua-dua institusi ini demi untuk mencegah rasuah tidak melanda masyarakat di semua lapisan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Puan Jamilah. Yang Berhormat minta supaya kedua-dua institusi itu diletak di bawah Parlimen. Tidakkah Yang Berhormat

fikir bahawa Parlimen itu juga dikuasai oleh pihak-pihak tertentu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kisahlah diletak di bawah Parlimen ataupun di bawah kerajaan. Tetapi apa yang saya rayukan di sini memastikan kebersihan pihak yang berkenaan. Pihak kerajaan memang direct di bawah Parlimen.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah banyak minta laluan. Okay, last one.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya teruskan dahulu. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik Deklarasi Persidangan Muafakat Memerangi Rasuah yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, antara lain meminta kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Penilai di peringkat tertinggi yang bertanggungjawab mengkaji semula semua kes-kes rasuah yang sudah disiasat oleh BPR diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara tetapi tidak didakwa ke mahkamah. Jawatankuasa terbabit meminta dilantik Peguam Negara sebagai ex-Officio, dengan izin, serta dianggotai oleh perwakilan rakyat yang berwibawa tinggi serta bertanggungjawab terus kepada kerajaan.

Ini membayangkan betapa masyarakat tidak puas hati terhadap keputusan ketua negara di dalam kes-kes rasuah terhadap golongan-golongan

yang berpengaruh. Saya menyokong resolusi ini dan meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan dikaji semula kes-kes rasuah yang sudah disiasat oleh BPR, tetapi tidak didakwa di mahkamah. Banyak disentuh oleh Datuk Ibrahim Ali tadi mengenai rasuah. Mungkin beliau tahu beberapa sentuhan yang beliau sebutkan tadi banyak cerita yang telah kita dengar.

Bagi mengakhiri ucapan saya, saya ingin mencadangkan supaya dibuat tambahan kepada tafsiran perkataan 'saudara' yang tersebut di muka surat 9, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 supaya di bawahnya termasuk;

- (i) ibu mertua, bapa mertua atau kedua-duanya;
- (ii) menantu lelaki, menantu perempuan atau kedua-duanya.

Saya juga mencadangkan supaya perkara 20(1), (2) dan (3) seperti tersebut di muka surat 24 dimansuhkan kerana ia menimbulkan ketidakadilan dalam satu penderaan yang tidak wajar kepada pihak pelapor yang membuat laporan secara sulit, kecuali beliau membuat pendedahan di khalayak ramai atau melalui media massa.

Dengan ini saya merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas laluan yang diberikan kepada saya dan menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Sorry, Yang Berhormat sudah habiskah?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya, sudah.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Bukan soalan. Sambung, bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, sila.

5.04 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya juga seperti rakan-rakan dalam Dewan turut sama untuk menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 sebagaimana yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam. Pertamanya, saya rakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana telah sanggup meminda satu akta ataupun satu rang undang-undang ini yang sekaligus dapat memberi satu gerakan yang begitu baik bagi membanteras dan memerangi gejala rasuah yang sedang kita bicarakan dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memerangi rasuah ini, sebagaimana kita tahu bahawa dan akan meruntuhkan sesuatu institusi negara dan juga institusi bangsa kita, dan ini merupakan satu keberanian dan azam yang sungguh tinggi oleh pimpinan negara terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bantuan sokongan padu dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa rasuah merupakan satu model dan pendekatan yang diluahkan oleh pemimpin kita bahawa bagi menerajui ataupun

berusaha untuk memajukan negara dan bangsa kita, rasuah harus kita perangi habis-habisan. Jadi, atas usaha dan keberanian ini, kita sama-sama menyokong usaha ini. Rang undang-undang ini harus dilihat sebagai satu gerakan baru kepada pimpinan negara kita dan juga seluruh rakyat bahawa kita bersama-sama dengan pimpinan negara untuk membanteras rasuah ini supaya model negara kita yang telah menjadi tempat contoh oleh negara-negara lain akan dapat kita lihat menjadi satu realiti yang sebenar-benarnya di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah rasuah ini serupalah juga dengan masalah hadiah. Rasuah ini ialah sogok, maknanya beri di belakang, ini fahaman saya Tuan Yang di-Pertua. Hadiah beri di hadapan. Dalam Islam sebagaimana Hadis yang dibaca oleh Yang Berhormat Ustazah tadi, saya hendak sebut bahasa Arab tidak berapa boleh, tetapi ertinya “yang memberi dan menerima rasuah, kedua-duanya adalah ke neraka,” [*bercakap dalam bahasa Arab*] itu dalam bahasa Arab, minta maaf, saya tidak ustaz. Jadi, dalam kita melaksanakan perang kita terhadap gejala rasuah ini, kita tidak boleh mendefinisikan rasuah ini dalam bentuk yang sempit. Kerana dalam agama kita, dalam masyarakat yang mempunyai keluhuran budi dan bahasa seperti bangsa Malaysia, kita patut mencontohi usaha-usaha yang dibuat oleh agama kita, iaitu untuk mengangkat kedudukan syiar dan juga sunnah Rasulullah S.A.W. Jadi, kita mestilah bijaksana dalam melaksanakan peraturan dan

undang-undang rasuah ini supaya kita tidak menyempitkan definisi dan pengertian rasuah ini semata-mata kerana kita ingin melaksanakan undang-undang untuk membanteras rasuah.

Di dalam membudayakan masyarakat kita, saya teringat kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ucapannya pada 19 Jun 1997 di Perhimpunan Agung Khas UMNO, iaitu “Masalah yang menjadi kita berkuasa kerana bangsa kita berkuasa.” Jadi, kuasa sebenarnya mengikut pandangan Yang Amat Berhormat boleh membawa rasuah. Dalam bahasa Inggerisnya “power corrupt and absolute power corrupt absolutely.” Maksudnya, kuasa yang mutlak membawa rasuah yang tidak terbatas. Jadi, masalah rasuah ini setengah orang melihat kepada pendekatan pembangunan usahawan, pembangunan korporat, pembangunan ekonomi semata-mata. Dan rasuah ini juga sebagaimana kita sarankan ialah untuk mengawal kepada pimpinan dan juga pemimpin-pemimpin di negara kita supaya melihat rasuah ini sebagai satu perkara yang kotor, yang jijik, yang tidak munasabah untuk berada dalam kehidupan masyarakat terutamanya pemimpin-pemimpin yang sedang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, budaya untuk merapatkan dan menjalinkan hubungan silatullahim di antara masyarakat dalam bahasa yang lebih tepatnya ialah jangka masa panjang kita iaitu untuk mewujudkan satu integrasi nasional di negara kita, perpaduan kaum untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, maju, tetapi mengikut acuan kita sebagaimana yang diasaskan

melalui Wawasan 2020, budaya hadiah mesti dihidupkan, di samping kita memerangi rasuah ataupun sogokan. Kerana di zaman Nabi Muhammad, Rasulullah S.A.W. dahulu, mewujudkan satu masyarakat penyayang dan kita supaya dapat mewujudkan kasih di antara anggota masyarakat memang ianya merupakan sunnah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Jadi, saya berharap selepas ini ada satu garis panduan yang lebih terperinci selepas kita meluluskan rang undang-undang ini supaya kita menghidupkan sunnah ini, kerana hadiah ini beza dengan rasuah, biasanya apabila Yang Berhormat Datuk Nazri beri hadiah kepada saya, dia beri hadiah di depan orang. Saya beri hadiah kepada Tuan Yang di-Pertua memang saya beri di depan isteri, di depan anak, di depan keluarga. Maka hadiah ini adalah berasaskan kepada niat.

Maknanya, kalau saya sebagai pemberi, saya akan takut untuk memberi hadiah kalau ianya ada 'udang di sebalik batu'. Jadi, kita tidak mahu pula sunnah yang meletakkan hadiah ini sebagai satu model di dalam masyarakat penyayang kita akan mati sekiranya pendekatan yang tidak saksama, yang tidak tersusun, yang tidak strategis dapat kita atur selepas ini. Kita memang sokong, kita mahu perang habis-habisan rasuah, tetapi kita mahu membendung satu budaya yang murni ini supaya kita dapat mencipta satu masyarakat berbilang kaum, satu masyarakat yang mempunyai kasih-sayang, apatah lagi kita mempunyai dasar yang diasaskan oleh negara, iaitu untuk merapatkan

hubungan di antara kaum dan membina satu masyarakat penyayang di kalangan bangsa kita di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, beza di antara hadiah dan rasuah ini, kalau orang Islam serupalah bezanya di antara nikah dengan zina. Saya minta maaf, kasar sedikit. Serupalah juga dengan seekor ayam yang kita sembelih mengikut cara kita dengan seekor ayam yang kita tidak sembelih. Jadi, dari segi maknanya nampaknya serupa. Kalau karinya komponen di dalam masakan kita sama, maka rasanya dari segi lahiriah, dari segi luaran adalah sama. Serupalah juga nikah dengan zina, tidak payah kita terang. Tetapi inilah satu pendekatan yang perlu dilihat. Sebenarnya susah cadangan ini untuk mengangkat dan membudayakan masyarakat yang suka memberi hadiah bagi mewujudkan masyarakat penyayang melalui konsep yang dibawa oleh Islam ini, memang susah hendak dilaksanakan dalam masyarakat kita sekarang ini. Tetapi kita tidak hendaklah perang kita terhadap rasuah, budaya ini akan mati dan kita mewujudkan satu masyarakat yang sekarang ini sudah berlaku di bandar-bandar besar, iaitu masyarakat ‘nafsi-nafsi’, masyarakat yang tidak membicarakan masalah jiran tetangga, masyarakat yang tidak meletakkan kepentingan berkeluarga sehingga runtuh akhlak di kalangan golongan belia dan golongan ‘remawasa’, itu bahasa baru, kalau ada orang Dewan Bahasa bolehlah ambil, jangan tunggu menteri sahaja. Kadang-kadang kita senator muda-muda ini pun boleh juga keluarkan bahasa baru ‘remawasa’. ‘Remawasa’ itu maknanya,

‘remaja dewasa’. Ini susah, ada orang uban macam saya sedikit-sedikit, ada 10-20 urat. Dalam bahasa Terengganu dipanggil ‘uban harimau’. Maknanya, ‘uban harimau’ ini di antara baik dengan tidak baik sudah mari satu semangat baru. Sebab itulah kita lihat seseorang lelaki apabila dia mencecah umur 40-an dia mula melihat satu kehidupan baru. Mungkin falsafah ‘life begin at 40’ agaknya. Tetapi ini dipanggil ‘remawasa’, ‘remaja dewasa’, maknanya, dia orang remaja tetapi sikapnya seperti dewasa.

Jadi, kita berharap satu usaha melalui program-program, kita yakin bahawa untuk mewujudkan satu masyarakat yang penyayang ini perlulah kita memberi satu pendidikan secara menyeluruh dan kita yakin melalui pimpinan negara, azam dan iltizam yang ada pada pimpinan seluruh strata pimpinan dalam masyarakat kita sama ada di peringkat pusat, negeri, kita yakin bahawa usaha-usaha untuk memerangi rasuah ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan kita tidak mahu satu gejala yang kotor, yang tidak baik, gejala rasuah ini berada dalam institusi keluarga, institusi pimpinan dan institusi masyarakat kita yang akhirnya matlamat kita yang suci untuk melihat satu masyarakat yang bersatu-padu di masa yang akan datang akan hancur lebur ditelan daripada gejala rasuah yang kotor, keji dan haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada masalah hadiah dan rasuah lagi kerana kalau kita melihat bagaimana peniaga-peniaga Arab zaman awal mereka datang ke Persekutuan Tanah Melayu dahulu, dia tanpa niat

apabila dia memberi persembahan mereka, melawat negeri Melaka, Raja Melaka, kesultanan Melaka ada satu sejarah, saya tidak ingat nama buku, bahawa peniaga Arab ini selain mereka datang hendak berdakwah agamanya di samping mereka menjalankan perniagaan mereka, di depan istana, di depan orang ramai mereka memberi seketul emas yang besar, itu hadiah. Sebab itulah kadang-kadang sehingga kita takut kepada gejala rasuah ini kita menyempitkan suasana yang berlaku sehingga ada setengah daripada pemimpin kita mencadangkan kalau Tuan Yang di-Pertua pergi merasmikan apa-apa program, saya cuma hendak hadiah buku, itu pandangan yang agak baik tetapi agak sempit. Jadi, bentuk hadiah ini mestilah berasaskan kepada suasana yang kita beri di tengah masyarakat, di tengah orang ramai. Jadi, saya tidak tahulah bagaimanakah satu bentuk yang pragmatik buat masa ini supaya kita dapat membezakan di antara hadiah bagi mewujudkan kasih sayang dan penghormatan di kalangan masyarakat dengan pemberian rasuah secara diam-diam yang boleh merobak-rabekkan kedudukan masyarakat kita.

Saya pun sebagai insan kerdil juga, cuma apa yang boleh dibuat ini ialah bagaimana harus kita membuat beberapa pendekatan dan garis panduan yang lebih pragmatik supaya kita tidak memerangi rasuah ini dapat menangkap beberapa orang yang akan menjalankan kerja-kerja rasuah melalui rang undang-undang yang insya-Allah, akan diluluskan tetapi dalam masa yang sama kita tidak mematikan usaha murni yang telah diasaskan oleh agama kita

dan juga merupakan nilai yang amat mulia yang telah diasaskan oleh pemimpin agung kita Muhammad Rasulullah s.a.w.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya rasa saya telah memberi sedikit sebanyak pandangan, saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997, moga-moga ianya sekali gus akan memberi satu imej dan kekuatan baru kepada negara bagi membersihkan gejala rasuah, dalam masa yang sama kita dapat sama-sama menyatukan seluruh umat dan seluruh bangsa yang ada di negara kita, moga-moga hasrat murni pimpinan negara kita untuk mewujudkan satu masyarakat yang maju tetapi mempunyai nilai-nilai budaya murni seperti yang disarankan oleh pimpinan kita dapat terlaksana dan menjadi realiti, insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

5.19 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang berjaya membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Dengan terbentangnya rang undang-undang ini menunjukkan dan juga membuktikan kesungguhan kerajaan dalam membanteras rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum meneruskan ucapan saya, saya mengambil kesempatan di sini bagi pihak semua Ahli Dewan Negara untuk mengucapkan tahniah kepada calon Barisan Nasional DUN Semerak, Tuan Haji Kamarudin [*Tepuk*] yang telah memenangi kerusi DUN Semerak dalam pilihan raya kecil kelmarin dengan majoriti 778 undi.

Walaupun Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah menyatakan kemenangan ini tetapi saya kira kemenangan ini harus kita rekodkan secara rasmi ucapan tahniah daripada kita semua. Kemenangan Barisan Nasional di DUN Semerak, jelas menunjukkan rakyat negeri Kelantan hari ini telah ada kesedaran dan inginkan perubahan. Mereka telah menolak pihak yang menggunakan agama sebagai rasuah politik. Rakyat DUN Semerak telah membuktikan mereka mahu calon dan parti yang bersih yang mengamalkan sikap bertanggungjawab, amanah dan takwa.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dibentangkan ini bukan pindaan Perlembagaan yang sedia ada, malah adalah merupakan rombakan sama sekali kepada satu inovasi baru yang telah mengambil kira semua aspek dari segi kegiatan rasuah itu sendiri, insiden yang berkaitan sama ada merupakan tatacara ia berlaku, pertuduhan yang dikemukakan dan kemungkinan ada unsur-unsur lain dalam pertuduhan seperti fitnah dan sebagainya.

Malah kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Penguasa Kanan dan semua Penguasa-penguasa adalah lebih berupaya bagi mereka melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Dalam rang undang-undang ini telah diberi takrifan yang jelas dan liputan yang luas merangkumi segala aspek yang berkemungkinan boleh menyumbang kepada berlakunya rasuah. Hukuman-hukuman yang ditentukan juga lebih berat dan diharapkan dapat memberi kesan untuk mengurangkan malah kalau boleh menghapuskan sama sekali rasuah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun menghapuskan sama sekali rasuah ini agak mustahil kerana kita sebagai manusia biasa yang dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai khalifah di dunia ini, perbezaannya antara kita dan Malaikat, kita dan binatang ada perbezaannya. Malaikat mempunyai akal, binatang mempunyai nafsu, tetapi manusia mempunyai akal dan nafsu. Oleh kerana manusia mempunyai akal dan nafsu, ada manusia yang menggunakan nafsu dalam membuat keputusan. Manusia-manusia inilah yang kadang-kadang terjerumus dengan rasuah. Bagi mereka yang menggunakan akal dalam membuat keputusan, kemungkinanlah manusia ini akan menjadi manusia yang berguna kepada kehidupan dan akan dapat membentengkan dirinya daripada terjebak dengan rasuah, kerana itulah kita perlu mengadakan peraturan bagi

menentukan supaya bagi mereka yang kadang-kadang diruntun oleh nafsu, ada tarikan untuk mereka boleh melakukan rasuah.

Ini tidak terkecuali kepada sesiapa, sama ada kita sendiri pun kerana dalam ajaran agama menyebutkan iman itu kadang-kadang tidak statik, ada waktunya kita mempunyai keimanan yang kuat, tetapi ada waktunya dengan runtunan daripada iblis dan syaitan, iman kita akan turun, kemungkinan kita akan juga terjebak dengan rasuah.

Tetapi dengan adanya undang-undang yang begini, kita berharap akan dapat membendung dan juga akan dapat menentukan supaya kita sebagai insan dapat membuat keputusan yang bijak dan dapat mengelakkan diri kita daripada melakukan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, bila menyebut soal agama ini, saya tadi dalam soal jawab yang berlaku sebentar tadi, apabila Yang Berhormat Tuan Rosli menanyakan mengenai ada pandangan daripada Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa Islam mengajak kita sederhana dalam mencari harta. Saya fikir sebutan ataupun pemahaman ini pemahaman yang tidak habis, walaupun dalam Islam menyebutkan supaya kita mencari kesederhanaan dalam hidup, tetapi apa yang kita tahu Islam telah pun mengajar dan juga memberi petunjuk kepada umatnya bahawa sembilan daripada rezeki adalah daripada perniagaan. Maknanya satu daripada bidang yang lain dan perniagaan jika dijalankan dengan sebaik-baiknya, dengan sebijaksananya akan membawa kekayaan. Ini

menunjukkan bahawa Islam juga tidak melarang ataupun tidak meletakkan, tidak menghalang umatnya daripada mencari kekayaan melalui jalan yang benar.

Dalam rang undang-undang ini telah diberi takrifan yang jelas dan liputan yang luas merangkumi segala aspek yang berkemungkinan boleh menyumbang kepada berlakunya rasuah. Hukuman yang ditentukan juga lebih berat dan diharap dapat memberi kesan ataupun dapat mengurangkan malah kalau boleh menghapuskan rasuah sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli Dewan Negara merasa puas hati kerana desakan demi desakan yang kita kemukakan dalam Dewan ini mengenai Akta Rasuah telah menjadi kenyataan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada beberapa orang rakan Ahli Dewan Negara seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Puan Kamilia, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini yang sering dengan lantang telah menyuarakan pandangan dan pendapat meminta pihak kerajaan supaya segera menggubal undang-undang untuk mengatasi masalah rasuah ini.

Saya percaya desakan yang kita buat adalah berdasarkan keadaan dan kegawatan masalah yang dihadapi di samping kita sedar dan kita menghayati pemikiran dan perasaan kepimpinan utama kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar

bin Ibrahim yang telah beberapa kali meluahkan perasaan kecewa mereka dengan sikap rakyat yang seolah-olah membudayakan gejala rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyebut beberapa angka di dalam Dewan ini yang membuktikan kepada kita bahawa gejala rasuah telah mula menular di negara kita. Walaupun angka-angka tunjuk kejadian rasuah di negara tidaklah ditakrifkan sebagai sangat gawat tetapi agak mencemaskan. Kita dapati dalam jabatan-jabatan kerajaan, kegiatan rasuah berlaku tanpa berselindung. Di setengah-setengah jabatan office boy, kerani yang berurusan untuk mengeluarkan surat dan cek bayaran boleh melengah-lengahkan sesuatu urusan jika mereka tidak diberi habuan. Ada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang hidup mewah jauh melebihi kemampuan dan taraf hidup pegawai itu sendiri, banyak pihak mempunyai saudara mara sebagai proksi untuk menjalankan perniagaan yang diluluskan dengan menggunakan kuasa dan kedudukan yang ada.

Pihak peniaga dan ahli-ahli korporat terpaksa menyediakan sogokan yang besar nilainya untuk memastikan segala urusan dapat berjalan. Orang politik mengamalkan pelbagai bentuk penyalahgunaan kuasa, politik wang. Jika ini tidak dibendung maka pasti segala kos dan urusan rasuah ini akan ditanggung oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbentangnya rang undang-undang ini, kita berharap negara Malaysia akan menjadi negara yang bersih daripada gejala

rasuah. Pada masa ini kedudukan Malaysia mengikut kajian Transparency International adalah di tahap yang sederhana. Saya ingin membentangkan laporan yang telah pun dikemukakan oleh Transparency International, tetapi walau bagaimanapun, saya ingin juga memaklumkan kepada Dewan ini apakah dia Transparency International.

Ia telah ditubuhkan dalam tahun 1993 dan misi Transparency International adalah untuk memerangi rasuah melalui kerjasama di peringkat internasional dan nasional:

- (i) menggalakkan kerajaan untuk menyediakan dan melaksanakan undang-undang yang berkesan, polisi dan program yang berkesan untuk memerangi rasuah;
- (ii) memperkukuhkan sokongan orang ramai dan meningkatkan kefahaman dan kerjasama dalam program anti rasuah;
- (iii) menyediakan laporan yang terus ataupun telus dan meningkatkan tanggungjawab dan urusan perniagaan internasional dan pengurusan kepentingan awam;
- (iv) menggalakkan semua pihak dalam urusan perniagaan internasional untuk menguruskan urusan dengan integriti yang tinggi dan dipandu oleh Transparency International Standard of Conduct.

Strategi mereka untuk mencapai misi di atas adalah dengan mewujudkan kerjasama dengan kerajaan bagi membantu mewujudkan dan melaksanakan program anti rasuah, mewujudkan pusat maklumat yang mengendalikan kajian dan kempen-kempen kepada awam untuk meningkatkan keberkesanan, kempen-kempen antirasuah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian International Transparency, negara Malaysia adalah berada di tangga yang ke-26 daripada 44 buah negara yang telah pun dijalankan kajian. Saya suka menyebutkan di Dewan ini negara-negara yang berkenaan kerana kita berharap selepas undang-undang ini diluluskan oleh Dewan, negara kita akan dapat meningkatkan lagi kedudukannya dan kita dapat melihat negara-negara mana yang dapat dijadikan rujukan dan dapat dijadikan panduan untuk kita bersama-sama berusaha untuk memerangi rasuah.

Kalau mengikut senarai yang dikemukakan di sini, New Zealand, Denmark, Singapore dan Finland adalah tergolong dalam golongan yang kurang rasuah iaitu dalam angka 9. Canada, Sweden, Australia, Switzerland, Netherland, Norway, Ireland, United Kingdom, Germany adalah di antara negara-negara yang mempunyai rate ataupun angka 8 maknanya kedua kurang rasuah. Chile, USA, Austria, Hong Kong, France, Belgium dan Japan dalam angka 7 - negara-negara ini tergolong dalam negara-negara yang masih lagi baik, tidak terbaik sebagaimana negara yang saya sebutkan awal tadi. Belgium dan Jepun angka 6. South Africa, Portugal, Malaysia, Argentina, Taiwan - ini termasuk dalam golongan 5 - maknanya di antara 40 buah negara kita berada di tengah-tengah, kalau hendak kira pass itu mungkin luluslah - 50% tetapi masih lagi dalam pengurusan negara kita lihat beberapa buah negara telah menunjukkan angka atau score yang tinggi, maknanya peluang untuk kita

berusaha untuk menentukan supaya negara kita dapat memerangi rasuah ini dan kita dapat menghapuskan rasuah ini tidak mustahil kerana kita melihat dalam pentadbiran, pentadbiran negara yang lain juga ada negara-negara yang begitu hebat penampilan mereka di dalam kurangnya rasuah di negara mereka.

Kita melihat lagi negara-negara yang agak mungkin kita hendak melihat negara-negara yang ada di sekeliling kita bagaimana kedudukan negara-negara di sekeliling kita. Thailand 2.79, Pakistan 2.25, China 2.16 dan Indonesia 1.94. Di sini kita akan dapat melihat beberapa buah negara yang ada di sekitar kita yang dapat kita jadikan contoh dan ada negara-negara yang di sekitar kita yang keadaan rasuah di negara tersebut juga amat membimbangkan.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini juga pernah pergi ke negara-negara yang disebutkan tadi walaupun dalam masa kita melawat sahaja negara-negara berkenaan, kita juga terpaksa membayar rasuah, sama ada kadang-kadang untuk masuk melepasi pintu sempadan ataupun urusan-urusan yang kecil. Ini memang terbukti nyata dan saya kira laporan ini memang dapat kita pastikan kebenarannya melalui pengalaman kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan menunjukkan sikap yang bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah, ada pihak yang masih ragu dan ada pihak yang merasakan.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Sairin?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, saya cuma mohon penjelasan. Menurut Yang Berhormat menyatakan tadi, 26 daripada 44, maknanya Malaysia lebih kurang tengah-tengah. Cuma saya kurang jelas sebab satu ketika dulu dalam Majalah *Business Times* dinyatakan bahawa negara kita adalah pengamal rasuah nombor 7 di dunia, jadi saya kurang pasti sebab nyata di sini yang *Business Times* kata nombor 7 kemudian Yang Berhormat sebut tadi nombor 26, jadi bolehlah saya diberikan penjelasan mengenai dengan nombor 26 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini kata tadi transparency rasuah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Maksud Yang Berhormat tadi nombor 7 worst atau nombor 7 terbaik?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Nombor 7 worst.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Worst. Saya tidak dapat hendak beri penjelasan sama ada yang ditohmahkan oleh pihak yang berkenaan menyatakan negara kita nombor 7 paling buruk dalam mengamalkan rasuah tetapi laporan yang saya ada ini, dalam laporan 1995 oleh Transparency International yang berpusat di Hong Kong menyatakan bahawa kita nombor 26,

maknanya lebih baiklah. Agaknya ini ada peningkatan, mungkin tahun yang berbeza, saya tidak dapat hendak pastikan laporan yang berkenaan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Walaupun kerajaan menunjukkan sikap yang bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah ada pihak yang masih ragu-ragu dan ada pihak yang merasakan usaha-usaha yang dijalankan adalah sebagai gimik politik. Saya ingin menegaskan di sini dengan kesungguhan usaha-usaha yang telah dijalankan, saya yakin usaha memerangi rasuah ini akan berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita boleh mengambil pengalaman yang telah dibuat oleh Hong Kong. Satu ketika dulu Hong Kong telah dilanda dengan gejala rasuah yang amat parah. Mereka telah menubuhkan Independent Commission Against Corruption (ICAC) di mana pada tahun 1981 telah mengadakan Conference and International Discussion on Anti-Corruption Works, dengan izin. Pada tahun 1983, usaha-usaha pihak Hong Kong ini telah pun di formalise ataupun telah diterima oleh seluruh dunia sejagat dengan mengadakan International Anti-Corruption Conference, dengan izin, yang dianjurkan oleh ICAC di Washington D.C. Ia diikuti dengan konferen-konferen tahun-tahun yang kemudian yang diadakan di New York, Hong Kong, Sydney, Amsterdam, Cocon dan yang terbaru dalam bulan Oktober 1995 di Beijing. Tahun ini konferen ke-8 akan diadakan di Lima, Peru pada 7

November 1997. Penyertaan dalam konferen ini meningkat hingga 1,000 peserta yang mewakili 90 negara.

Saya menyebut perkara ini bagi membuktikan bahawa dunia juga telah sedar betapa rasuah telah menjadi gejala sosial yang perlu diperangi secara sejagat. Adalah perlu diingat Hong Kong adalah antara negara yang aktif dalam usaha ini. Mari kita lihat apa pencapaian di negara Hong Kong setelah usaha-usaha memerangi rasuah dijalankan secara besar-besaran di peringkat nasional dan internasional, di kalangan sektor awam dan sektor swasta.

Mereka telah menubuhkan Independence Commission Against Corruption dalam tahun 1974. Badan ini telah menubuhkan tiga agensi iaitu Community Relation Department yang bertanggungjawab menyedarkan masyarakat dan memberi maklumat kepada masyarakat. Corruption Prevention Department membekalkan kajian dan peraturan yang boleh membendung rasuah. Operation Department badan penguatkuasa yang dikhususkan untuk menjalankan penyiasatan, pendakwaan kepada mereka yang melakukan rasuah.

Usaha-usaha yang dijalankan dalam jangka masa yang pendek telah menyedarkan masyarakat Hong Kong. Kejayaan dalam perniagaan, sanggup mengambil risiko telah memberi kejayaan kepada pencapaian taraf hidup yang lebih baik dan peningkatan pemegangan harta. Namun mereka juga sedar bahawa pencapaian ini tidak bermakna jika gejala rasuah tidak diperangi yang mana akan menjadi kanser di dalam masyarakat. Statistik menunjukkan selepas

usaha-usaha dijalankan oleh pihak kerajaan Hong Kong, didapati bahawa kesedaran masyarakat di dalam masalah rasuah ini telah pun meningkat. Masyarakat telah pun mempunyai kesedaran yang tinggi di dalam memerangi rasuah. Pada tahun 1994 dilaporkan 7.8% sahaja masyarakat yang mempunyai sikap against kepada rasuah.

Pada tahun 1977 angka ini telah meningkat kepada 38%, 2.9% menyatakan bahawa mereka boleh bertolak ansur ataupun tolerate dengan rasuah pada tahun 1997, cuma 2.9% sahaja yang masih lagi sanggup ataupun dapat tolerate, dengan izin, dengan rasuah. 68% menyatakan mereka akan melaporkan perasuah-perasuah kepada pihak-pihak yang berwajib. Ada perubahan yang memang nyata dalam masyarakat dengan menolak rasuah dengan mengambil tindakan proaktif dan tindakan yang berkesan untuk meningkatkan standard moral dan memperbaiki sistem perniagaan bagi mengelakkan rasuah.

Di sektor swasta dilaporkan pada tahun 1974, cuma 12% sahaja mereka sanggup melaporkan kegiatan-kegiatan rasuah tetapi pada tahun 1994, 50% daripada ahli-ahli perniagaan di Hong Kong telah pun mengambil sikap yang aktif, yang proaktif dan juga sikap yang berani serta sikap menolak kepada rasuah. Ini menunjukkan pihak yang ingin melaporkan kejadian rasuah telah pun meningkat daripada 12% kepada 50%.

Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan tadi, jelaslah kepada kita bahawa kejayaan memerangi rasuah ini terletak kepada kesedaran rakyat di samping pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang. Oleh itu merujuk kepada badan. Saya ingin membacakan petikan daripada Perkara 8 -

“ 8. Maka adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai Badan untuk-

- (a) menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pengarah atau pegawai-pegawai itu;*
- (b) mengesan dan menyiasat-*
 - (i) apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah akta ini;*
 - (ii) apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini; dan*
 - (iii) apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini;*
- (c) meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pengarah mungkin membawa kepada rasuah;”*

Tetapi Perkara (d), (e), (f) dan (g) yang mana dalam Perkara (d), (e), (f) dan (g) disebutkan:

- (d) mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;*
- (e) menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan-kewajipan badan-badan awam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;*
- (f) mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan*
- (g) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah”*

Saya kira dalam perkara ini, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu majlis atau badan untuk memikul tanggungjawab ini - (d), (e), (f) dan (g).

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Badan Pencegah Rasuah yang baru melalui akta yang dibentangkan ini, saya berharap pihak kerajaan akan menambah kepakaran, keupayaan di kalangan human resource, dengan izin, ataupun tenaga pekerja dengan memberi peluang kepada mereka menambah ilmu melalui seminar, konferen dan pendedahan antarabangsa. Mengikut

kajian saya beberapa seminar antarabangsa telah diadakan dan telah mengupas dan meningkatkan kefahaman mengenai rasuah. Ini juga merujuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli tadi mengenai apakah rasuah berbanding dengan hadiah. Saya juga bersetuju apa yang disebutkan oleh beliau, apabila kita merasakan bahawa rasuah ini perlu diperangi kita harus berhati-hati supaya tindakan kita ini benar-benar dapat memberikan manfaat. Sebenarnya apa sahaja yang kita buat, kita perlu bertindak secara bijak.

Dalam satu ketika yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyarankan supaya kita pandang ke Timur tetapi dalam usaha-usaha pandang ke Timur itu ada juga tindakan-tindakan dan aktiviti-aktiviti yang dibuat, yang dijalankan, kefahaman-kefahaman yang dibuat tidak memberi manfaat kepada saranan “Pandang Ke Timur” kerana kadang-kadang ada di antara kita salah takrif kepada apa yang telah pun disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Begitu juga dalam soal rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menyemak daripada laporan-laporan di antarabangsa, saya dapati bahawa beberapa konferen telah pun diadakan. Saya ingin membacakan konferen-konferen antarabangsa yang telah diadakan dan ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini adakah kita - Malaysia telah pun sama-sama dapat menghantar delegasi-delegasi daripada negara kita untuk sama-sama mengikuti konferen-konferen yang telah diadakan.

Pada bulan Oktober 1983 konferen telah diadakan di Washington D.C. dan tajuk-tajuk yang telah dibincangkan banyak sekali. Kalau boleh, kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua saya akan bacakan sebahagian daripadanya - in English.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Dan tulisannya pun kecil. Topik-topik yang dibincangkan ialah Corruption and Economic Crime Against Government, The Concept of Creating An Independence International Organisation to Address Corruption, Legal Power Necessary For Effective Anti-Corruption Works, Computer Crimes Uncover Operation in Corruption Investigation dan banyak lagi saya rasa tajuk-tajuk yang memang kalau dapat kita berpeluang menghantar delegasi-delegasi daripada negara kita akan dapat menimba banyak ilmu yang didapati daripada seminar-seminar yang dianjurkan oleh ICAC. Pada bulan Julai 95, satu konferen antarabangsa telah diadakan di USA. Pada mula konferen ini diadakan cuma 21 agensi dan 13 sahaja negara yang mengambil bahagian tetapi pada tahun 1995 peningkatan kepada delegasi kepada 200 delegasi dan 60 hingga 72 wakil-wakil ataupun mereka yang terlibat dalam bidang perundangan daripada 60 buah negara telah hadir.

Banyak lagi yang sebenarnya ada di tangan saya ini laporan-laporan mengenai conference antarabangsa. Apa yang saya ingin sebutkan dan cadangkan di sini supaya pihak kerajaan memberi peluang kepada perwakilan-perwakilan daripada Malaysia untuk hadir sama dan juga pihak kerajaan memberi galakan kepada wakil-wakil daripada badan-badan NGO untuk hadir sama supaya mereka dapat sama-sama berusaha untuk memerangi rasuah, sebagaimana yang telah kita laksanakan dalam memerangi najis dadah. Dalam

memerangi najis dadah, kita ada PEMADAM dan PEMADAM juga telah menghantar delegasi-delegasi PEMADAM di dalam seminar-seminar, di dalam perjumpaan-perjumpaan antarabangsa, malah pada hari ini wakil-wakil daripada PEMADAM adalah merupakan di antara pihak-pihak ataupun individu-individu yang diberi perhatian oleh pihak dunia kerana usaha-usaha kita dalam memerangi dadah.

Kita berharap dalam usaha kita memerangi rasuah (corruption) ini, kita juga menunjukkan komitmen kita bukan sahaja di pihak kerajaan, tetapi di pihak badan-badan bukan kerajaan (NGO) supaya penggembleran usaha-usaha ini akan dapat terus menyemarakkan dan mempercepatkan mengembangkan perasaan di kalangan rakyat dalam usaha-usaha untuk membanteras rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita cuma melihat pihak kepimpinan dan penggubal undang-undang memainkan peranan ke depan dalam soal ini. Pihak-pihak lain belum lagi menunjukkan sikap terbuka menentang rasuah. Di Eropah, pemimpin badan perniagaan telah mengeluarkan surat terbuka kepada Menteri Ekonomi mereka menyatakan pendirian mereka terhadap rasuah. Saya ada surat terbuka, open letter from European business leader to OECD Economic Minister. Di dalam surat ini, wakil daripada badan-badan perniagaan telah dengan jelas menunjukkan pendirian mereka menyokong kerajaan dalam

usaha membanteras rasuah. Saya ingin membacakan sebahagian apa yang ditulis di sini.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah beri laluan kepada Yang Berhormat Tuan Hanipah?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah naskah yang akan dibaca oleh Yang Berhormat itu telah disampaikan kepada Yang Berhormat?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Belum lagi, Yang Berhormat. Bolehkah saya bacakan petikan.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Penjelasan. Adakah naskah yang akan dibaca oleh Yang Berhormat itu telah disampaikan kepada Yang Berhormat sendiri?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat, atas soalan itu. Sebenarnya ini adalah bahan rujukan yang saya dapat daripada Internet.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada buat homeworklah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada buat homework sebelum memberi ucapan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ada, Tuan Yang di-Pertua, saya buat sedikit homework untuk menguatkan hujah apa yang ingin saya sebutkan di sini. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya hendak baca sedikit apa yang disebutkan oleh badan-badan korporat di Europe:

“We recognised that combatting corruption must be every one concern. As European business leaders, we restate our commitment to have our companies abstain from briberies and to conduct effective self-regulation. We also recognised that fully effective reform will require politic and legislative action.”

Ini sebahagian yang saya bacakan. Sebenarnya adalah merupakan dua helaian keping surat yang kita lihat di sini bahawa bukan sahaja pihak kerajaan, tetapi badan-badan yang terlibat seperti badan-badan perniagaan telah pun menunjukkan sokongan mereka. Kita menanti di negara kita dewan-dewan perniagaan, sama ada dewan perniagaan Melayu, dewan perniagaan Cina dan juga dewan-dewan perniagaan lain menyatakan sokongan terbuka kepada usaha-usaha kerajaan dalam memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, dadah adalah musuh negara nombor satu. Penyalahgunaan dadah di Malaysia berada di tahap membimbangkan. Seramai 270,000 penagih dadah dan 45,000 penagih tegar berada di pasaran yang menjadi tenaga kerja yang tidak produktif. Dalam keadaan negara kekurangan tenaga buruh, hampir 20% tenaga muda Malaysia khayal dengan dadah. Dadah

tidak diproses di Malaysia. Kita cuma menjadi pintu masuk dan laluan perdagangan dadah. Persoalan ini memang menakjubkan, bagaimana dengan sekian banyak agensi dan pagar yang ada di sekeliling kita, tetapi pintu masuk tetap bolos. Ini agaknya harapkan pagar, pagar makan padi. Saya pernah membangkitkan isu ini semasa Perhimpunan Agung PEMADAM di Melaka, empat tahun yang lalu. Bila saya menyatakan ada maklumat bahawa penjara dibekalkan dadah oleh kakitangan penjara, tiga bulan kemudian Yang Berbahagia Datuk Zaman Khan mengesahkan memang ada pegawai penjara membekalkan dadah kepada pesalah-pesalah.

Baru-baru ini semasa di perhimpunan PEMADAM di Negeri Sembilan, kita dimaklumkan pusat serenti dibekalkan dadah oleh pegawai pusat serenti sendiri. Pergaduhan dan juga kebakaran pusat serenti sedikit sebanyak ada unsur-unsur yang tidak sihat berlaku di sana. Saya telah lama berkhidmat dalam PEMADAM dan pernah terlibat dalam mentadbirkan bekas-bekas pelatih yang mana mereka ini terdiri daripada bekas-bekas penagih. Kami pernah menerima penagih-penagih yang disifatkan 'zombis' daripada Chow Kit dihantar ke Perlis dan saya pernah bersama-sama dengan Yang Berhormat Cikgu Bakar dan juga rakan Yang Berhormat Tuan Hanipah, kita mengendalikan bekas-bekas pelatih ini. Dalam satu seminar, salah seorang daripada bekas penagih dadah telah pun menyatakan bahawa meminta supaya kita melihat sistem kawalan perundangan dan juga mereka yang diberi

tanggungjawab untuk menjaga soal dadah ini, kerana dakwaan yang dibuat oleh bekas penagih. Saya tidak dapat hendak sahkan sama ada benar ataupun tidak, tetapi disebutkan dalam seminar bahawa polis yang kita harapkan kadang-kadang juga terlibat dengan sindiket-sindiket yang melibatkan dadah.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada semak satu pernyataan di sini, police corruption. Ini bukan menjadi satu perkara yang mustahil kerana mengikut kajian, Justick Wood telah membuat kajian di mana pelbagai usaha dibuat untuk mengatasi masalah corruption di dalam badan-badan yang memegang kuasa perundangan seperti polis dan badan-badan yang lain, didapati bahawa di dunia sahaja, di negara-negara lain mereka juga telah gagal untuk menjalankan usaha-usaha membanteras keadaan ini dengan sepenuhnya sehingga Justick Wood mencadangkan supaya pihak polis - sebelum itu saya hendak sebutkan bahawa negara-negara di mana telah pun dibuat kajian dan mereka gagal untuk menentukan supaya pihak polis bersih daripada unsur-unsur rasuah. Ini disebutkan di New York, Australia, New Zealand, England, Wales, mereka juga gagal. Bukan bererti bahawa kita gagal, tetapi mereka juga telah gagal dalam usaha-usaha ini sehingga ada cadangan dibuat supaya polis menubuhkan Police Corruption Commission (PCC). Saya tidak tahu sama ada Kerajaan Malaysia juga memikirkan bahawa kita perlu untuk menubuhkan commission seperti ini.

Bagi saya, dalam soal kemasukan dadah ini saya rasa kita tidak boleh lagi bertolak ansur, kerana kemasukan dadah ke negara kita bukan sahaja telah pun merosakkan penagih-penagih dadah itu sendiri tetapi juga banyak ahli keluarga daripada penagih-penagih yang berkenaan telah pun merana dan ramai di antara anak-anak yang terlibat, ibu bapa yang terlibat, isteri-isteri yang terlibat menjadi silent sufferer ataupun orang-orang yang menanggung azab derita kerana pengedaran dadah yang dilakukan oleh pihak-pihak yang cuba untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan kebajikan dan juga kehidupan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya tidak bercadang hendak bercakap panjang, saya ingin mengakhiri ucapan saya, cuma satu, ini permintaan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah banyak panjanglah. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Cuma satu sahaja yang ingin saya sebutkan di sini, iaitu ini permintaan kepada Jabatan Perdana Menteri. Ini sebab saya buat homework panjang, ada permintaan hendak minta kepada Jabatan Perdana Menteri sebab kita tahu Timbalan Menteri ada di sini.

Bagi kami di negeri Perlis, rasuah ini tidaklah begitu banyak sebab Perlis adalah negeri yang miskin dan kita tidak banyak sumber-sumber pendapatan. Perlis juga negeri yang belum lagi membangun sama tinggi dengan negeri-negeri yang telah pun maju, macam negeri Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen kita, negeri Selangor, kami pun cemburu bila tengok Selangor. Kita di Perlis selalu sebutkan ‘nothing to offer’ daripada Perlis, jadi rasuah memang tidak ada. Buat masa ini pentadbiran kita di negeri Perlis ini kemungkinanlah Jabatan Perkhidmatan Awam terlepas pandang. Kami ini bagai padang tembak. Jadi.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa malulah sebab saya daripada Perlis juga. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat Puan Hajah Mastika maksud seolah-olah Perlis ini bukan setaraf dengan negeri-negeri lain?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat. Dari segi negeri, Perlis memang merupakan satu negeri dan sepatutnya kita sebuah negeri yang beraja, sama standard dan tarafnya. Dari segi penduduknya di negeri Perlis memanglah saya rasa kebelakangan ini bila kita ada hotel, ramai yang datang, ramai yang suka ke Perlis. ‘Nothing to offer’ itu maksud saya ialah nothing to offer dalam bentuk-bentuk yang tidak sihat.

Jadi, apa yang ingin saya sebutkan di sini tadi, saya rasa Yang Berhormat Cikgu Bakar pun akan setuju dengan saya, Perlis ini jadi padang tembak di mana pegawai-pegawai yang dihantar ke negeri Perlis sama ada Setiausaha Kerajaan Negerinya, pengarah-pengarah jabatannya adalah merupakan pegawai-pegawai junior. Apabila mereka telah dilatih di negeri Perlis, dapat latihan yang baik, sebab kami pun pergi menembak, di negeri

Perlis kita ada askar wataniah, mereka ini yang mana bagus akan dikeluarkan dan dinaikkan pangkat menjadi pengarah-pengarah di negeri-negeri yang lain.

Kita telah mengalami keadaan ini sekian lama dan saya merayulah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, kalau boleh mintalah supaya perkara ini dapat diperhatikan kerana selama ini Perlis adalah menjadi sebagai negeri yang memberi sokongan kepada pihak kerajaan tanpa berbelah bahagi dan kita tidak ada rekod kalah dalam pilihan raya. Jadi, kita berharap supaya ditingkatkanlah taraf pegawai-pegawai yang dihantar ke negeri Perlis, terutama Setiausaha Kerajaan Negeri.

Baru-baru ini kita dapat Setiausaha Kerajaan Negeri yang begitu baik sumbangannya, kata orang kita baru nak 'ngam', bekerja dengan elok, berusaha bersungguh-sungguh, bertungkus-lumus untuk menaikkan imej negeri, tetapi oleh kerana dia telah pun ditawarkan jawatan yang lebih baik, dinaikkan pangkat, maka terpaksa kita lepaskan pegawai yang berkenaan.

Jadi, saya berharap kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, tolonglah tengok sama kami walaupun jauh di sana. Dari segi baik hati dan baik budi ini, saya rasa bolehlah dikatakan Perlis ini rekodlah. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat pergi ke negeri Perlis, sebagai rakan dan kawan, kita akan membantu apa sahaja yang boleh dan kita harap di pihak atasan juga dapat melihat keadaan ini supaya pembangunan yang kita usahakan di negeri Perlis ini dapat dicapai dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Itu sahaja yang dapat saya sampaikan dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

5.58 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun ingin mengambil kesempatan untuk turut sama membahar Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Tuan Yang di-Pertua, penghujahan saya ini adalah sebagai satu garis panduan kepada diri saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

*Saya mendoakan akta ini akan menzahirkan semua lapisan insan,
tidak kira status kedudukan,*

*Sama ada di singgahsana banglo berkelipan hingga ke pondok
daif*

*Akan menjauhkan penglibatan diri dalam amalan rasuah yang
jijik, jenayah, tidak bemarkuah*

Walaupun hidup syurga di dunia tetapi neraka di akhirat nanti.

*Warisan titisan darah rasuah dalam urutan saraf akan
berterusan hingga ke liang lahad*

Tangan memberi dan tangan menerima penuh kerakusan

Taubat sebelum ke hadrat Ilahi

Kembali kesederhanaan

Tuntutan hidup untuk insan Ilahi.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Charern Intachat.

6.00 ptg.

Tuan Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Rang undang-undang ini mempunyai peruntukan yang cukup dan memberi kuasa yang luas untuk pihak Badan Pencegah Rasuah mengambil tindakan yang lebih berkesan dalam mencegah rasuah di negara ini. Pada masa-masa yang lepas kita telah melihat kebanyakan kes yang dihadapi ke mahkamah oleh BPR berkesudahan dengan orang-orang yang dituduh tidak didapati salah dan dibebaskan. Saya percaya ini adalah kerana BPR bertindak di bawah undang-undang yang tidak lengkap untuk mereka menjalankan penyiasatan dan pendakwaan. Dengan rang undang-undang baru ini, maka BPR boleh menjalankan siasatan ke atas pelbagai cara termasuk kecanggihan teknologi untuk mengelakkan daripada dikesan ketika melakukan rasuah. Penalti-penalti yang lebih berat juga dikenakan ke atas mereka yang dihadapi ke mahkamah dan didapati salah.

Rang undang-undang ini membuktikan komitmen kerajaan untuk membanteras gejala rasuah ini. Dengan rang undang-undang ini serta juga tambahan kakitangan dan peruntukan, pihak BPR hendaklah berusaha untuk bertindak dan bukan setakat menunggu maklumat baru bertindak. Di bawah Fasal 8 subfasal (a) sehingga (g) pelbagai tindakan boleh diambil oleh pihak BPR berkenaan perkara ini, termasuk mendidik orang ramai untuk menentang rasuah. BPR juga hendaklah meningkatkan kemahiran kakitangan dalam

membuat siasatan dan pendakwaan. Post moterm, dengan izin, perlu diadakan ke atas kes-kes yang gagal pendakwaannya di mahkamah untuk mengesan kelemahan dan memperbaiki prestasi pihak BPR.

Mengenai keraguan di kalangan ramai tentang Fasal 19(1) subfasal (a) dan Fasal 53 subfasal (3) iaitu kesalahan memberi maklumat yang palsu, saya percaya pihak BPR hanya boleh mengambil tindakan kalau ada bukti orang yang memberi laporan itu tahu bahawa maklumat itu tidak berasas, sengaja berniat jahat dan ingin memfitnah pihak lain. Kalau BPR mengambil tindakan ke atas setiap maklumat yang tidak tepat tetapi tidak berniat jahat, maka nescayanya tidak siapa pun berani tampil ke hadapan untuk melaporkan rasuah kepada BPR.

Merujuk kepada peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang baru ini di bawah Fasal 23 subfasal (3) iaitu kuasa untuk memeriksa dan menggeledah dan menyita tanpa perintah bertulis oleh Pendakwa raya nampaknya kuasa ini diberi kepada semua peringkat pegawai BPR. Lazimnya kuasa seperti ini hanya diberi kepada pegawai kanan di dalam sesuatu jabatan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan tentang rasionalnya kuasa diberikan kepada pegawai rendah juga. Pada pendapat saya kuasa ini patut diberi kepada pegawai berpangkat, penguasa ke atas sahaja.

Dalam usaha memperbaiki jentera kerajaan supaya bersih dari gejala rasuah dan penyelewengan, saya ingin mendapat pandangan dari Yang

Berhormat Timbalan Menteri tentang peruntukan undang-undang seperti Akta Kastam, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Dadah Merbahaya, di mana hadiah boleh diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan. Bukanlah ini ada unsur rasuah, di mana kerajaan memberi hadiah kepada pegawai-pegawai yang memperolehi kes-kes rampasan atau tangkapan. Sebenarnya memang sudah menjadi tanggungjawab tugas dan kewajipan pegawai-pegawai tersebut membuat tangkapan dan rampasan.

Amalan ini boleh membawa keadaan di mana pegawai-pegawai kerajaan lebih menumpu kepada hadiah. Tanpa hadiah mereka tidak akan berusaha. Barang diingatkan pegawai-pegawai ini telah diberi gaji, elaun dan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat. Penyelewengan juga boleh berlaku di mana pegawai-pegawai kanan boleh memberi hadiah yang berlebihan yang akan dikongsi dengan pegawai-pegawai yang mendapat hadiah tersebut. Boleh jadi amalan ini dimulakan di zaman penjajah yang menganggap pegawai-pegawai kerajaan ketika itu bertugas untuk gaji dan hadiah dan bukan ada perasaan tanggungjawab dan cinta kepada negara. Jadi, saya berharap perkara ini dapat dikaji dengan baik, dan sekiranya perlu peruntukan yang berkenaan di dalam akta-akta ini perlulah dipinda.

Sekarang ini mekanisme mencegah kegiatan rasuah telah pun wujud dalam bentuk rang undang-undang ini, maka terpulang sahaja kepada pihak

BPR dan kerajaan sama ada mahu bertindak atau tidak demi untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Puan Hajah Rahaiah.

5.08 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk sama-sama memberi pandangan di atas perbincangan bagi meluluskan Rang Undang-undang Pencegah Rasuah 1997 ini. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan yang telah membawa rang undang-undang ini dengan tujuan menyatukan rang undang-undang yang sedia ada yang ada hubungkaitnya dengan pencegahan rasuah dan mewujudkan peruntukan yang lebih supaya kerajaan dapat menangani masalah rasuah. Dengan pembentangan rang undang-undang ini, jelaslah bahawa kerajaan memberi pernyataan di atas kesungguhan kerajaan di dalam mengatasi perbuatan rasuah yang kini seolah-olah sudah mula menjadi cara hidup kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam amatan saya rasuah hanya boleh berlaku jika ada dua pihak yang terlibat. Macam juga bertepuk, perlu adanya dua tangan untuk bertepuk. Oleh itu, untuk berlaku perbuatan rasuah pasti ada yang memberi dan ada yang menerima. Biasanya yang memberi itu lebih mulia daripada yang menerima. Dalam perlakuan rasuah, prinsipnya juga sama, yang memberi adalah lebih besar kesalahannya daripada yang menerima kerana jika

tiada tawaran, maka pasti tiada permintaan. Yang memberi adalah agen yang menggoda sipenerima dan yang memberi pula lazimnya mempunyai keupayaan untuk memberi dan yang pentingnya mereka adalah yang berkepentingan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa cara yang paling berkesan untuk membanteras rasuah adalah dengan menghapuskan perilaku rasuah di tahap permulaan lagi, iaitu di tahap yang memberi. Oleh itu, saya mencadangkan supaya hukuman bagi pemberi rasuah hendaklah melipat ganda beratnya daripada hukuman yang dikenakan kepada penerima rasuah jika bersabit kesalahan mereka. Dengan gandaan hukuman ini akan membuat orang yang berupaya untuk ‘tumbuk rusuk’ tidak berbuat demikian dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap fasal rasuah, maka selain daripada dua yang terlibat tadi, maka bahan ketiga yang terlibat adalah wang ataupun barangan ataupun perkhidmatan. Oleh itu, sipenerima digoda atau dipengaruhi oleh mata benda atau mata wang ataupun nilai mata wang yang ditawarkan. Ini berlaku di semua tahap, iaitu di tahap rendah hinggalah ke tahap yang tinggi. Ramai yang berkuasa boleh dilanda penyakit menerima rasuah kerana masyarakat ini amat materialistic, dengan izin, ataupun mementingkan kebendaan. Oleh itu, membanteras rasuah bukan sahaja tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, tetapi haruslah menjadi tanggungjawab kementerian-kementerian yang lain juga.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ke dalam iklan-iklan televisyen yang di bawah kelolaan Kementerian Penerangan yang mempamerkan cara hidup yang amat sophisticated yang menjadi tontonan dan teladan masyarakat seluruhnya. Contohnya, katalah kalau dahulu budak pejabat ingin membawa kawan gadisnya untuk makan tengah hari mungkin cukup pada masa itu pergi ke kedai wak di tepi jalan sahaja. Tetapi kini tidak cukup untuk mereka berbuat demikian. Mereka kena pergi ke hotel-hotel yang terkemuka dengan bayaran yang lebih banyak kerana terpengaruh dengan iklan-iklan yang ada di televisyen bahawa cara hidup itulah yang patut menjadi ikutan kepada remaja dan lain-lainnya.

Oleh itu, iklan-iklan ini akhirnya mempelawa mereka berbelanja di luar kemampuan yang mendedahkan mereka senang menerima rasuah. Oleh itu, dicadangkan supaya Kementerian Penerangan memberi gambaran cara hidup sederhana sebagai cara hidup yang sihat yang menjadi amalan yang sihat untuk diikuti dan diteladani oleh seluruh masyarakat hendaknya. Oleh itu, saya tidak hendak bercakap begitu panjang, saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ini.

5.12 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut menyokong Rang Undang-undang Pencegahan

Rasuah 1997 yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan sekarang ini dibahaskan di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencegahan Rasuah 1997 ini adalah digubal khusus merangkumi segala aspek, membuat pembetulan dan tambahan yang lebih lengkap bagi melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan perbuatan rasuah. Pada tahun 1982 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengemukakan satu rang undang-undang bagi meminda Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara yang diubah kepada Badan Pencegah Rasuah. Pada masa itu, rang undang-undang ini mempunyai banyak kelemahan dan tujuan utamanya ialah untuk memberi lebih kuasa kepada pegawai-pegawai di dalam badan tersebut untuk bertindak bagi membanteras penyalahgunaan kuasa dan juga amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan rang undang-undang ini iaitu yang mengandungi 8 bahagian. Kelapan-lapan bahagian ini meliputi 62 fasal yang mana fasal-fasal ini menyentuh hal-hal yang mempunyai kaitan di antara satu dengan yang lain.

Sebelum itu, saya ingin juga menyokong berkenaan dengan Kertas Pemberitahu Notis tentang pindaan kepada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 seperti yang dilampirkan, sebab ini ada kaitan dengan rang undang-undang yang diedarkan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjelaskan berkenaan dengan maksud rasuah. Saya telah sempat membuat rujukan di Perpustakaan yang mana saya telah melihat di dalam Rang Undang-undang Syariah berkenaan dengan istilah rasuah ini iaitu ‘rasuah ialah suatu yang ditawarkan kepada seseorang untuk mempengaruhi atau memujuknya melakukan sesuatu yang salah untuk kebaikan orang yang memberi.

Rasuah diberi dengan tujuan menahan hak seseorang mengenakan paksaan yang tidak sewajarnya terhadapnya, memperlakukan seseorang dengan sewenang-wenangnya, membebaskan penjenayah, meminta mengurangkan hukuman atau menyalahgunakan keadilan dalam apa-apa bentuk lain.

Rasuah ialah perbuatan tidak jujur untuk merampas hak manusia. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud Allah melaknat orang yang memberi rasuah, orang yang menerima rasuah dan juga orang tengahnya. Penjawat awam yang ditugaskan mengutip sedekah, jizyah dan bentuk cukai tahunan lain yang dikenakan oleh kerajaan tidak boleh menerima sebarang hadiah daripada rakyat kerana ini disamakan dengan penerimaan rasuah.

Rasulullah s.a.w. menugaskan Abdullah bin Al-Luthbiyah Azdi supaya mengutip zakat daripada puak Bani Sulaiyim, apabila laporan hendak dibuat Abdullah berkata: “Jumlah sebanyak ini telah dikutip sebagai zakat, manakala yang selebihnya diberi sebagai hadiah.”

Setelah mendengarnya, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jika kamu tinggal dalam rumah ibu atau bapa kamu, adakah seseorang akan memberi pemberian itu, jika kamu benar-benar jujur?” Hadiah seperti ini tidak boleh diterima dan jika diberi sekalipun, ia hendaklah diserahkan kepada Perbendaharaan Awam ataupun Baitulmal.

Orang Islam yang bertakwa tidak akan memberi riba atau menerima sebarang hadiah sewaktu tempoh perkhidmatannya sebagai pentadbir. Dalam pemerintahan Khalifah Abu Bakar, Khalid bin Al-Walid telah mengenakan jizyah terhadap penduduk Hirah di Syria.

Penduduk Hirah sangat tertarik hati dengan keadilan orang Islam dan perhubungan mesra serta tingkah laku mereka yang baik. Oleh itu penduduk Hirah bertegas untuk mengirim hadiah kepada Abu Bakar. Apabila Khalid sukar memujuk mereka supaya jangan berbuat demikian, beliau menerima hadiah itu.

Namun begitu, beliau menerimanya sebagai sebahagian daripada cukai yang diwajibkan dan mengurangkan jumlah sebenar pembayaran dan kemudian menghantarnya ke Baitulmal. Khalifah Umar juga menghantar pesanan yang berikut kepada semua wazirnya: ‘Berhati-hati dengan pemberian kerana pemberian tersebut membentuk sebahagian daripada rasuah.’”

Kenyataan Khalifah Umar ada benarnya jika dilihat daripada sudut masyarakat moden pada hari ini. Rasuah diberi dengan berleluasa dan diterima

atas alasan hadiah. Khalifah Umar bin Abdul Aziz menolak sama sekali apa-apa hadiah, seseorang memberitahu beliau bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menerima hadiah, lalu beliau menjawab: “Itu sebenarnya pemberian untuk Baginda tetapi bagi kita itu sebenarnya rasuah kerana orang mahu mendekati Baginda kerana kerasulannya dan bukan kerana pemerintahannya, sedangkan mereka mahu mendekati kita kerana kedaulatan kita.”

Dengan kata lain, Rasulullah s.a.w. menerima hadiah lalu memberikannya kepada orang miskin, mereka yang membawa hadiah kepada Baginda tidak mempunyai sebarang tujuan yang tersembunyi. Menurut Rasulullah s.a.w. hadiah membantu menghilangkan benci dan menambahkan cinta serta kasih sayang.

Rasulullah s.a.w. juga telah bersabda: “Bertukar-tukar hadiah akan meningkatkan kasih sayang kamu.” Penerimaan hadiah oleh pegawai kerajaan dan pentadbir dalam proses melaksanakan kewajipan mereka dilarang dalam syariah. Rasulullah s.a.w. memberi peringatan akan tiba masanya apabila rasuah dijadikan halal oleh rakyat melalui hadiah dan pembunuhan melalui penasihat.

Ketika menyelesaikan masalah ekonomi manusia, seorang itu hendaklah realistik dalam pendekatannya. Manusia mempunyai pelbagai keperluan ekonomi dalam hidup tetapi ini tidak perlu diperbesar-besarkan kepentingannya sehingga menimbulkan masalah. Oleh itu, seseorang tidak dibenarkan

memberi tumpuan terhadap aktiviti ekonomi semata-mata. Sebuah hikayat Islam menyatakan dengan benar, bahawa manusia bukan hidup untuk makan tetapi makan untuk hidup dan terus hidup.

Jika kita cuba membina masyarakat, menurut asas ekonomi semata-mata, ini dapat disamakan dengan aktiviti haiwan yang hanya memakan rumput. Sebuah masyarakat yang semata-mata mementingkan kebendaan seperti yang kita lihat di Barat pada hari ini telah kehilangan nilai akhlak. Dalam masyarakat tersebut, hanya orang yang mementingkan diri sendiri sahaja yang bertambah maju. Motif perniagaan menjadi asas utama dalam aktiviti sosial manusia. Oleh itu, kedudukan mereka direndahkan menjadi haiwan ekonomi.

Akibatnya manusia lupa bahawa mereka hanyalah penjaga harta bukan pemilik sebenar harta itu. Mereka hendaklah sedar bahawa kekayaan hendaklah diperolehi dengan cara yang sah bukan melalui perbuatan tidak jujur dan khianat. Orang yang berharta melupakan peranan mereka sebagai Khalifah Allah di atas muka bumi dan mula berpanduan, cogan kata 'hidup untuk wang', mereka memperbanyakkan keperluan hidup mereka sehingga melampaui keperluan sebenar bagi tujuan memuaskan hawa nafsu.

Keperluan mereka bertambah begitu banyak sehingga mereka telah merancang cara yang jahat untuk meningkatkan kekayaannya itu dengan menyorok barang, menipu dalam timbangan dan membekalkan barangan yang

bermutu rendah, persaingan yang akan membinasakan pihak yang lemah, riba, menjual darah manusia dan gambar lucah, mendirikan panggung wayang, mewujudkan pasaran pelacuran, rompakan dan lain-lain. Mereka mabuk dan khayal dengan demikian memerlukan ramai orang membekalkan minuman keras, dadah, candu dan menanam dan membantu menanam ganja.

Disebabkan kekayaan yang diperolehi secara haram inilah maka zina dan muzik liar menjadi keperluan. Secara amnya, bagi memuaskan keperluan yang sengaja diada-adakan, mereka memerlukan lebih banyak kekayaan yang seterusnya menghasilkan lebih ramai mendidik penjenayah profesional dan ejen mereka yang aktif. Bagi memuaskan keinginan mereka, segala bentuk pencarian nafkah yang diharamkan telah dihalalkan oleh mereka atas nama perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpeluang mendapat melalui Internet bahan-bahan yang ada kaitan dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan kedudukan BPR yang ada sekarang ini, sebab ianya ada kaitan dengan pindaan Akta Pencegahan Rasuah yang dibentangkan ini. Iaitu BPR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perlantikan ini dibuat di bawah Seksyen 32 Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, Akta 271 dan beliau dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua

Pengarah. BPR mempunyai tujuh bahagian di peringkat ibu pejabat iaitu perisikan, siasatan, pendakwaan, pencegahan, korporat, latihan, khidmat pengurusan serta empat belas pejabat peringkat negeri dan sembilan cawangan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa perundangan yang ada pada pihak BPR pula ialah selain daripada undang-undang utama iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961 yang sekarang ini

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Perlis yang menyatakan bahawa dia hendak mengeluarkan ucapan dia berdasarkan kepada Internet. Jadi, adakah bahagian-bahagian Pencegah Rasuah ini dalam Internet ataupun Yang Berhormat dapat semasa lawatan muhibah kita kepada pejabat-pejabat BPR baru-baru-baru ini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Sebenarnya, hendak membahaskan akta ini lebih-lebih lagi yang bersangkutan dengan BPR perlulah kita mempunyai fakta-fakta yang boleh kita pakai, kalau macam saya hendak cakap bahas hak yang lain-lain itu, bolehlah saya 'hentam keromo' sahaja, *[Ketawa]* secara umum dan ini saya percaya kita Senator-senator berkesempatan hadir

dalam satu taklimat dahulu dan saya percaya taklimat yang diberi itu lebih kurang sama dengan apa yang kita dapat dalam Internet.

Kalau Yang Berhormat Dato' berminat, Dato' boleh pergi ke Perpustakaan Awam dan boleh cari tetapi ada yang mereka mahu 'release' dan ada yang mereka tidak benar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi, selain daripada Akta Pencegah Rasuah 1961 yang disemak sekali pada tahun 1971 dan juga sekarang ini sudah pun dibentang Akta Pencegahan Rasuah 1997, Ordinan No. 22 Kanun Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970, BPR juga diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang berikut:-

- (i) Akta Badan Pencegah Rasuah 1982;
- (ii) Kanun Keseksaan FMS CAP 45;
- (iii) Kanun Prosedur Jenayah FMS CAP 6;
- (iv) Akta Polis 1967; dan
- (v) Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan iaitu BPR mempunyai visinya, misinya, falsafahnya dan izinkan saya sebab membaca ini, sebab ia bukan panjang, sekurang-kurangnya kita boleh nampak senario yang sebenar iaitu visi BPR ialah: "Ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang

bebas daripada gejala rasuah berlandaskan nilai-nilai kerohanian dan moral yang tinggi diterajui oleh kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Menjadikan BPR agensi pembanteras rasuah yang profesional dan terunggul di dunia berteraskan prinsip-prinsip keadilan, ketegasan dan amanah.”

Misinya pula ialah: “Pembanteras jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa secara bersepadu dan berterusan berteraskan prinsip keadilan undang-undang negara.”

Dan falsafahnya: “Sebagai agensi utama dalam pembanteras rasuah, BPR berpegang teguh kepada prinsip dan nilai-nilai:-

- (i) keadilan, ketegasan dan amanah dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan;
- (ii) budaya kerja cemerlang berteraskan ketakwaan, keilmuan, keperibadian, kemanusiaan dan semangat kerja berpasukan; dan
- (iii) kepimpinan yang berwibawa, dinamis, bijaksana, berintegriti dan berjiwa penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 12 Akta Pencegah Rasuah 1961, “Seseorang Ahli Parlimen, seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri, seseorang anggota badan awam atau seseorang pegawai awam yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan apa-apa suapan secara rasuah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepasnya melaporkan hadiah, janji atau tawaran itu bersama dengan nama jika diketahui orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepada Pegawai BPR atau polis yang hampir sekali dan

jika ia tidak berbuat demikian tanpa sebab yang berpatutan, maka ia adalah bersalah atas sesuatu tuduhan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda dengan tidak lebih daripada RM500 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.” Yang mana pindaan ini telah dibuat kerana denda yang diberikan di bawah akta itu adalah terlalu ringan.

Kuasa-kuasa pentadbiran saya rasa, saya tidak payah baca, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak memberi laporan maklumat penyiasatan dan tangkapan, iaitu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, diminta sambung besok?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Boleh sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sambung lebih elok daripada diteruskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

